

SAS. A(55)



LAPORAN
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA
1983

لپورن پانل انوگره ساسترا نگره
1983



LAPORAN
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA
1983



BERKAS BUKU
Kuala Lumpur
b.p. 5010
Dewan Bahasa dan Pustaka



Laporan Panel anugerah sa



01000152558

Pusat Dokumentasi Melayu

LAPORAN
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA
1983

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
1983



Cetakan Pertama 1983
© Hakcipta Panel Anugerah Sastra Negara 1983

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mana-mana bahagian/ artikel ilustrasi isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis dari Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU	
No. Kelas:	
Tarikh:	T.T.

Dicetak oleh
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur



KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Anggota Panel Anugerah Sastera Negara</i>	ix
<i>Laporan Panel Anugerah Sastera Negara</i>	
Pengenalan	3
Puisi	7
Drama	29
Cereka	43
Esei	52
Usman Awang dalam Terjemahan	62
Kesimpulan	67
<i>Lampiran</i>	
Biodata Usman Awang	73
Senarai Karya Usman Awang	: 77
Tulisan-tulisan Mengenai Usman Awang	99





PRAKATA

URUSETIA Anugerah Sastera Negara telah memperpanjang masa pencalonan untuk Anugerah tahun 1983 hingga hampir pertengahan tahun 1983 sendiri. Masa yang panjang untuk pencalonan ini memberi hasil yang baik. Apabila pencalonan ditutup pada 31 Mei 1983, hampir semua dokumen pencalonan yang diterima oleh Urusetia merupakan dokumen-dokumen yang ditulis dan disusun dengan lengkap, kemas dan rapi mengikut saranan ketetapan yang dikemukakan oleh pihak Panel. Ini telah memudahkan pihak Urusetia menyediakan bahan-bahan yang diperlukan oleh pihak Panel berdasarkan dokumen-dokumen pencalonan itu.

Semua sekali ada sepuluh pencalonan diterima oleh Urusetia. Pihak Panel menggunakan masa yang ada menjelang berakhirnya tahun 1983 ini dengan sepenuhnya, membaca dan meneliti setiap dokumen pencalonan serta bahan-bahan sama ada yang dikemukakan dalam pencalonan atau yang dipilih sendiri oleh Panel. Beberapa kali perbincangan dan persidangan berlangsung dan pada akhirnya Panel telah berkumpul selama lima hari, bebas dari tugas-tugas peribadi masing-masing untuk membuat pemilihan muktamad. Tiap calon dikaji, dibincangkan dan diteliti kekuatan dan kelemahannya dari segi karya, sumbangan fikiran, kegiatan dan pimpinan, kesan dan pengaruh serta kesinambungannya dalam semua aspek perkembangan dan kemajuan kesusasteraan tanahair.

Akhirnya Panel sebulat pakat memilih sasterawan Usman Awang yang juga terkenal dengan nama pena Tongkat Warrant sebagai penerima Anugerah Sastera Negara bagi tahun 1983.

Usman Awang dicalonkan oleh Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia; Pusat Pengajian Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia; Dewan



Bahasa dan Pustaka: New Straits Times dan Encik Omar Mohd. Hashim.

Pengurniaan Anugerah Sastera Negara adalah dalam bentuk:

- Warkah Penghormatan Negara
- Wang tunai sebanyak tiga puluh ribu ringgit (M\$30,000)
- Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta
- Kemudahan untuk penerbitan karya
- Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan.

Dengan ini Urusetia mempersembahkan selengkapnya laporan kajian dan penelitian terhadap sumbangan Usman Awang yang dikemukakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara.

Urusetia Anugerah Sastera Negara.



ANGGOTA PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA

1. YAB Datuk Musa Hitam (Pengerusi)
2. Datuk Haji Hassan Ahmad (Timbalan Pengerusi)
3. Datuk Haji Abdul Rahman Arshad
4. Prof. Datuk Ismail Hussein
5. Prof. Mohd. Taib Osman
6. Prof. A. Bakar Hamid
7. Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh
8. Encik A. Samad Said
9. Encik Krishen Jit
10. Prof. Madya Goh Then Chye
11. Encik Kamaludin Muhammad (Pemangku Setiausaha)





*LAPORAN PANEL
ANUGERAH SASTERA NEGARA*





USMAN AWANG



PENGENALAN

USMAN AWANG adalah seorang penyair yang hidup subur sepanjang zamannya. Semenjak beliau mula menulis kira-kira pada tahun 1948 hingga sekarang Usman telah dan terus menjadi ikutan, teladan dan sumber aspirasi para penyair dari dekad ke dekad. Ada semacam tarikan — semacam karisma — yang menjadikan beliau teguh seperti sebuah institusi.

Pada dasarnya Usman adalah seorang penyair yang tradisional sifatnya. Betapapun beliau mempelbagaikan dan menimbulkan kesan kemungkinan pemakaian bahasa namun beliau tetap tidak melepaskan sifat-sifat tradisional bahasa dan pengucapan Melayu. Beliau memberikan pengukuhan erti dan rasa kepada setiap kata, ungkapan dan ayat dalam bentuk-bentuk baru yang segar tetapi tidak memberikan kesan lenyapnya tradisi gaya dan erti dari kata-kata, ungkapan dan ayat Melayu.

Apa yang kita miliki sekarang dalam khazanah bentuk pengucapan sajak adalah sebenarnya merupakan satu hasil revolusi bentuk puisi Melayu. Tetapi kita sampai ke tahap ini setelah melalui perubahan-perubahan kecil yang bentuk dan cara lamanya menjadi baru dalam peralihan yang amat harmonis. Dalam seluruh pembaharuan ini Usman selamanya memberikan sumbangan yang kuat sehingga yang baru menjadi tradisi pula tetapi yang lama tidak terasa hilang.

Tetapi perkembangan puisi Melayu bukanlah hanya perkembangan dan perubahan bentuk sahaja; yang lebih penting lagi ialah perkembangan cita rasa seni puisi dan alam pemikiran. Apa yang diutarakan oleh penyair — dalam lingkungan luasnya sasterawan bidang-bidang lain juga — ialah idea-idea yang mencakup berbagai aspek hidup manusia, akaliah dan jasmaniah; pemikiran yang



merupakan reaksi terhadap perilaku manusia dalam masyarakat yang bertindak balas terhadap alam, keadaan dan hukum-hukum sosial yang sudah kukuh. Kritikan masyarakat telah menjadi sumber idea kebanyakan penyair khususnya, dan penulis sastera bidang-bidang yang lain umumnya. Di samping itu akhir-akhir ini kritikan diri juga menjadi idea para penyair.

Usman Awang dalam pengutaraan ideanya senantiasa memihak kepada yang lemah dan teraniaya. Beliau telah menjadi pembela golongan lemah dan teraniaya. Bagi kebanyakan sasterawan kita pembelaan terhadap yang lemah lahir dalam bentuk penentangan terhadap yang kuat. Penentangan terhadap golongan atau institusi penindas menjadi idea ulung. Tetapi pada Usman penentangan itu adalah langkah nyata dari pembelaannya terhadap yang lemah. Banyak sajaknya yang sinis terhadap ketidakadilan dalam bentuk sindiran halus lagi tajam yang merupakan manifestasi dari pembelaannya terhadap yang teraniaya.

Perbezaan ini sebenarnya lahir dari hakikat peribadi dan kepercayaan Usman sebagai seorang sasterawan atau seorang seniman, bahkan sebagai seorang manusia. Usman berbeza daripada sasterawan lain kerana titik tolaknya ialah manusia dan kemanusiaan.

Kemanusiaan Usman mengatasi segala-galanya. Sebab itu karyanya sesuai dengan hampir semua pembaca dari berbagai ideologi dan agama, apabila yang diperkatakan itu menyentuh nilai baik dan buruk. Beliau tidak menekankan ideologi atau agama itu sebagai sumber ideanya tetapi menjadikan kemanusiaan punca pemikiran dan karyanya dan kemanusiaan itulah yang digarap oleh kebanyakan kepercayaan agama dan ideologi. Dari sumber kemanusiaan inilah Usman melihat alamnya dan mencetuskan harapannya untuk kedamaian, keamanan, kemakmuran dan maruah. Aspek kemanusiaan ini bukan saja menjadikan Usman tegak kukuh dan tersendiri dalam kalangan sasterawan tanahair malah menjadikannya mudah difahami dan dapat berbicara langsung dengan dunia luar tanahairnya. Kebanyakan sasterawan lain menarik perhatian pembaca luar negeri kerana keluarbiasaan pengalaman kita. Tetapi Usman memberikan permasalahan dan tanggapan mengenai manusia dan kemanusiaan yang sama di mana-mana. Ketidakadilan, penindasan, penganiayaan, rasa senang, rasa derita, harapan dan cita-cita Usman adalah juga apa yang dirasakan oleh manusia sejagat.



Dan Usman bukan hanya menulis sajak. Beliau juga menulis di bidang sastera yang lain seperti cerpen, novel, drama dan esei. Beliau sebenarnya ialah seorang penulis yang serba boleh, tetapi puisinya-lah paling bererti dan paling berkesan berbanding dengan bidang-bidang yang lain. Kehalusan rasa, kepekaan, kejujuran dan kemurnian cita-cita damai, adil dan makmur terecurah dari pena Usman dengan indah dan berkesan sekali di dalam puisinya. Paling penting tentang kesenimanan Usman Awang ialah kesinambungannya dalam penciptaan; kesinambungan yang senantiasa terlibat dan mempengaruhi perkembangan dan kematangan kesusasteraan Melayu pada setiap tahap. Dan kesinambungan itu amat ketara dalam bidang puisi.

Selanjutnya laporan ini akan menyentuh secara lebih terperinci peranan Usman dalam bidang-bidang puisi, drama, cerpen, novel, esei serta kesan antara-etnik rakyat Malaysia dari terjemahan-terjemahan karyanya.

Di samping itu keterlibatan Usman dalam kegiatan-kegiatan sastera memberikan kesan yang besar pula bukan hanya sekadar dalam gerakan dan organisasi persatuan-persatuan penulis seperti Asas 50, PENA, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu dan sebagainya yang telah membukakan pintu forum dan perbincangan idea dan cita-cita kaum sasterawan dekad demi dekad, tetapi juga menyambungkan pimpinan, sikap dan dedikasi kaum sasterawan dari generasi awal pemodenan sastera Melayu lepas perang sehinggalah ke zaman sebelum dan selepas merdeka.

Dalam bidang kegiatan sastera ini peranan Usman menjadi lebih berpengaruh dan lebih penting kerana kewibawaan pimpinannya menyelurahi pertumbuhan bidang-bidang seni yang lain. Usman dengan mudah dapat diterima dan membawa kesannya terhadap golongan pelukis dan teater. Beliau telah mendorong golongan seniman ini seolah-olah untuk saling faham memahami, bersatu dan mengenal satu tujuan seni yang sama, berseni untuk kepentingan masyarakat, untuk meninggikan taraf dan darjat nilai perikemampuan.

Sesungguhnya Usman dari zaman awalnya dalam Asas 50 berpegang teguh pada konsep "seni untuk masyarakat". Dan dalam amalannya baik melalui karya mahupun melalui kegiatan dan pimpinan dia menekankan bahawa setiap seniman haruslah memperjuangkan ideanya dalam bentuk seni yang seindah mungkin



untuk membentuk manusia yang berbudi tinggi, yang seterusnya menjamin masyarakat yang adil dan aman.

Jelas sekali bahawa Usman Awang — yang terkenal dengan nama pena Tongkat Warrant — adalah seorang sasterawan yang berjiwa halus dan berbudi tinggi, yang rasa kemanusiaannya mengusap membelai hati yang lembut; menyiram melembutkan hati yang keras. Sepanjang hayat pengkaryanya dia telah menyemai, menumbuhkan dan menghidupkan rasa kasih sayang antara manusia. Kritikan sosialnya yang begitu halus dan tajam bertujuan membina jambatan perikemanusiaan yang menghindarkan nafsu permusuhan dan pemusnahan antara yang tertindas dan yang menindas. Perdamaian dan keadilan adalah matlamatnya. Peperangan dan kezaliman adalah musuhnya. Di luar kegiatan penulisannya beliau bergiat dengan gigih sekali memperjuangkan cita-cita perikemanusiaan dan cita-cita damainya dalam berbagai pertubuhan sastera dan seni, juga menjadi tokoh pejuang hak asasi manusia.



PUISI

Tema

TIDAK dapat dinafikan bahawa peristiwa-peristiwa yang berlaku pada dirinya atau yang berlaku di sekelilingnya, baik di dalam atau di luar negeri, telah menjadi sumber tema puisi Usman Awang, tetapi tidaklah adil jikalau dikatakan bahawa peristiwa-peristiwa itu telah membentuk dirinya sebagai seorang penyair. Perkembangan puisi Usman Awang dapat dilihat dalam tiga kumpulannya, iaitu *Gelombang* yang mewakili zaman awalnya daripada 1949 hingga 1960, *Duri dan Api*, 1961 hingga 1966, dan *Salam Benua* yang memuatkan beberapa buah puisi mutakhirnya. Kumpulan-kumpulan ini jelas memperlihatkan bahawa perkembangan Usman Awang sebagai penyair bukanlah bergantung pada peristiwa-peristiwa yang dialaminya dan puisinya tidaklah selalu mencerminkan kisah-kisah itu. Sebaliknya karya-karyanya itu menggambarkan perkembangan seorang penyair daripada dua segi yang penting, iaitu dari segi kemampuan ia berfikir dan mendalami persoalan puisinya serta dari segi olahan teknik dan bahasanya. Tidaklah mencukupi jikalau cuma dikatakan bahawa Usman berjaya melukiskan peristiwa, mengucapkan perasaan ataupun membincangkan persoalannya, kerana dalam perkembangannya dari tahun 1949 hingga ke tahun 1970-an, beliau pertama sekali bereksperimen dan mendalami tema, bentuk dan gaya.

Dalam kepelbagaian temanya, terdapat suatu jalinan yang memberikan kesatuan dalam perkembangannya sebagai penyair. Sejak dari zaman awalnya beliau tidak berganjak daripada tema kemanusiaan yang melihat persaudaraan serta timbang rasa sesama manusia sebagai asas kebahagiaan hidup. Walaupun tema yang dipilihnya berbagai ragam, baik nasionalisme, kekeluargaan, muhi-



bah, ketidakadilan sosial ataupun perdamaian, dia tetap melagukan, bahkan melaungkan, perutusan yang sama, iaitu persaudaraan dan silaturahmi antara insan. Dan perutusan ini kian menyala dan meluas dalam sajak-sajaknya yang terakhir, apabila dia membawa perutusan ini ke peringkat antarabangsa.

Tahun-tahun awal Usman Awang dapat disebut sebagai zaman penerokaan isu dalam negaranya. Temanya berkisar pada persoalan nasionalisme, menentang penjajahan, pembelaan nasib golongan bawahan, baik di kampung mahupun di kota, serta tema anak muda yang senantiasa dilamun cinta, kasih dan rindu. Tema-tema ini diolah dengan nada yang ghairah, idealistis dan romantik, sesuai dengan jiwa yang muda. Pengolahan tema-tema itu juga memperlihatkan Usman sebagai penyair yang sedang berjuang untuk mencapai kematangan, baik dari segi pemikiran mahupun teknik, tetapi perkara yang ketara ialah beliau tetap mencuba mencari gayanya yang tersendiri dan tidak terpengaruh dengan arus fesyen dan kejayaan yang sementara. Usman Awang mementingkan kesederhanaan dan keseriusannya sebagai seniman, sifat ini dapat kita lihat dari seluruh perkembangannya dalam sastera Melayu selama tiga dekad.

Usman mula melaungkan semangat kebangsaan sewaktu tanahairnya masih terjajah. Baginya, persoalan ini amat jelas: hidup terjajah bermakna hidup terbelenggu; dan kemerdekaan menjanjikan kebebasan dan kebahagiaan kepada semua rakyat, terutama di kalangan petani dan nelayan di desa dan golongan bawahan di kota. Segala persoalan ini tidak disembunyikan tetapi didedahkan sepenuhnya mungkin. Katanya:

Dalam jiwa yang gagah perwira,
Tidak ingin ditindas-tindas, bersuara,
Tak ada perjuangan yang tak ada penderitaan,
Tak ada kemenangan yang tak ada perjuangan,
Tak ada kemerdekaan yang tak ada pengorbanan!

Sebak melonjak darah di jiwa yang bergelora,
Nyala menjulang api membakar semangat bangsa,
Terang dimandikan sinar pagi yang murni,
Semuanya membawa hasrat menuju merdeka abadi.

(Sinar Pagi)

Sajak-sajaknya dalam *Gelombang* seperti “Jiwa Hamba”, “Langit Tinggi”, “Aliran Hidup”, “Aku Sedar”, dan “Pesanku” bukan sahaja memiliki nada yang sama tetapi juga mengandungi seruan



bahawa kemerdekaan bererti perjuangan, kerana "... hidup masih dengan hampas..." di bawah penjajah tidak akan ditebus dengan "... Tidur lena dibuai impian melambung tinggi" Sebagai penyair Usman dapat melihat persoalan ini secara amat peka, beliau dapat benar-benar "merasai" makna kemerdekaan bagi manusia biasa yang terjajah; seruannya tidak sama dengan seruan seorang ahli politik yang juga boleh membakar semangat. Semangat kebangsaan bagi seorang penyair tidak cukup dengan seruan dan laungan yang berapi-api, kerana baginya, kemerdekaan akan cuma tercapai apabila segala tujuan asal kemerdekaan itu telah dipenuhi. Lingkup fikirannya dalam soal ini menjalar lebih jauh lagi; beliau mencabar supaya pihak yang berwenang dapat mengaturkan supaya kemerdekaan dapat dinikmati oleh golongan bawahan juga. Beliau selalu sedar:

*Tapi sejarah bisa berulang lagi,
Dalam sorak kemenangan manusia mencari,
Ah, masing-masing mencari tempat sendiri,
Tegak di atas kemelaratan kami.*

*Itulah bayangan zaman ini,
Kulit hanya, isi tak berganti.*

(Isi Tak Berganti)

Usman tidak mahu "sejarah berulang lagi" dan beliau tidak ingin melihat rakyat tani menjadi seperti Pak Utih yang "masih menanti dengan doa", tetapi "Bapak-bapak pergi ke mana di mobil besar?" Hanya apabila hasil kemerdekaan dapat dikongsi dan dinikmati bersama barulah semangat kebangsaan akan tumbuh dan dibandingkan sebagai "Seroja tumbuh menguntum di segala zaman". Usman menginginkan suatu zaman yang dipenuhi dengan pemimpin-pemimpin baru yang benar-benar berwibawa dan jujur untuk menggantikan pemimpin-pemimpin yang lama:

*Pucuk baru mula segar di ujung malam,
Dahan lama sekah di ribut dinihari,
Masakan ia bertaut kembali,
Kerana musim tergulung zaman.*

(Pergantian Musim)

Semangat kebangsaan bukanlah hanya berbentuk seruan untuk membangkitkan semangat atau untuk mengingatkan pemimpin tentang tanggungjawab mereka dan tidak hanya "Membusung dada



menjijik aku” (megah dengan pangkat), tetapi boleh berbentuk lebih kekal. Yang abadi ialah kesanggupan rakyat berjuang untuk kebahagiaan tanahairnya, dan ini berkemuncak dengan sajaknya “Pahlawan dan Tanahair”.

Pahlawan sejati,
Dalam hatinya bernyanyi,
Tanahair dan bangsa,
Di mana terpaut cinta mulia,
Untukmu darah ini mengalir,
Padanya jasad ini cair.

(Pahlawan Tanahair)

Tema perjuangan kebangsaan ini akhirnya digantikan dengan tema yang lebih luas dan lebih tinggi darjatnya, iaitu perdamaian abadi seluruh dunia yang berasaskan persaudaraan antara manusia. Perluasan lingkup persoalan ini mula dikesan dari sajaknya “Khabar dari Asia”, “Kekallah Perdamaian”, “Merpati Putih, Jelajahilah Dunia Ini”, “Damai”, “Damai Sejahtera”, “Dunia yang Senyum” dan “Konggo”.

Dalam sajak-sajak yang tersebut di atas, Usman mulai melihat perjuangan manusia sejagat untuk mencapai perdamaian dan kebahagiaan hidup dengan menentang segala jenis penjajahan, penindasan dan diskriminasi di mana-mana sahaja. Usman tidak menyatakan bahawa perdamaian sejagat dapat dicapai dengan mudah kerana beliau melihat banyak faktor yang menghalangnya, terutama ideologi yang mempertahankan penjajahan. Hal ini dibayangkan dalam sajaknya “Konggo”. Tetapi beliau tidak fatalistik, tidak kecewa, kerana beliau menganggap perdamaian dan kebebasan adalah hak manusia di mana-mana sahaja baik di Afrika, di Amerika Syarikat ataupun di tanahairnya sendiri. Keyakinan ini merupakan idealisme Usman, dan beliau mengkagumi semangat rakyat Afrika “bangun sebagai raksasa malam” menentang penindasan dengan semangat yang tidak padam-padam:

Dunia kagum menyaksikan, O Afrika yang hitam,
Sejarah tertindas, dan bangunmu sebagai raksasa malam,
Menyala unggun semangat yang tidak padam-padam.

(Konggo)

Tema penting Usman Awang ialah pembelaan terhadap golongan yang malang, yang tertindas dan golongan bawahan. Tema ini muncul dalam sajak-sajaknya sejak awal lagi. Beliau bukan sahaja



mempertahankan nasib manusia desa, kaum buruh, penjual air batu, penaja kecil, bahkan juga alam semula jadi, seperti pokok-pokok, tumbuh-tumbuhan dan burung-burung yang turut mengalami penderitaan dan kesusahan akibat perbuatan manusia mengejar “pembangunan”. Beliau menyampaikan tema itu dari jiwanya yang peka, yang lekas tersentuh dengan keadaan dan kejadian yang menyayat hatinya. Tetapi ini tidak bererti bahawa Usman cuma menggunakan kekuatan emosinya sahaja untuk menggambarkan keadaan dan persoalan hidup yang malang itu; beliau juga menyoroti masalah-masalah itu daripada segi intelektual, membangkitkan implikasi sosiologi, politik dan peraturan hidup sosial yang tidak seimbang. Pada mulanya dia melihat masalah-masalah ini di sekitar tanahairnya, di sekitar alam yang terdekat dengannya. Usman menceritakan kisah “Nelayan”, “Kaum Buruh”, “Penjual Air Batu”, “Penjual Pisang di Kaki Lima”, atau “Pak Utih” secara terus terang. Kemudiannya, beliau mulai melihat masalah ini dari sudut yang lebih besar, mencakupi manusia seluruh dunia, orang kulit hitam di Amerika Syarikat, dan sebagainya, dan melihat penindasan secara lebih “solistikated”.

Usman tidak melihat penderitaan semata-mata dari segi luarannya sahaja, menggambarkan kejelekannya, kesedihannya, kecacatannya, tetapi lebih penting lagi, dari segi hakikat yang lebih mendalam, dari segi punca dan situasi yang menimbulkan masalah itu. Beliau mengambil sikap yang objektif, dan menggunakan “common sense”nya apabila mengkritik sesuatu sistem yang menimbulkan penderitaan manusia seperti “penjual air batu” yang ditangkap kerana tidak menurut undang-undang. Usman tidak menolak pentingnya peraturan hidup perlunya undang-undang, kerana Usman adalah seorang manusia damai yang menginginkan hidup yang aman, teratur dan bahagia. Tetapi beliau mempersoalkan undang-undang atau peraturan yang tidak mendatangkan kebahagiaan kepada manusia biasa:

Bilakah ruang keadilan memberi isi,
Para penaja dalam hayatnya wajah berseri?
Bila nanti undang-undang jadi perlindungan,
Semua manusia tanpa kasta menerima keadilan.

(Penjual Air Batu)

Apabila membicarakan “Kaum Buruh” Usman bertanya:



Sudahkah terlimpah kurniaan murni,
Pada keringat yang tercurah ke bumi,
Mengisi usus anak isteri,
Sedang dunia megah dengan cerita demokrasi?
(Kaum Buruh)

Dalam sajak ini Usman nampaknya menyalahkan manusia yang melaung-laungkan demokrasi tetapi tidak berjaya menggunakan demokrasi itu untuk “melimpahkan kurniaan” atau rezeki yang murni kepada kaum buruh.

Perkembangan Usman sebagai penyair dapat dilihat seterusnya apabila pembelaan terhadap golongan bawahan tertindas itu disamakan dengan semboyan kemanusiaan atau humanismenya. Walaupun perbezaan kelas menjadi bahan sajaknya, tetapi yang lebih dilihatnya ialah hubungan antara manusia yang mementingkan darjat, perbezaan kedudukan ekonomi, perbezaan kehidupan golongan yang berkuasa dan yang dikuasai atau yang kuat dan yang lemah. Beliau seperti mengatakan bahawa manusia ini sama dan setaraf, tetapi yang menimbulkan perbezaan itu ialah sikap, bukan kedudukan. Kematian Presiden Kennedy disambutnya dengan rasa terharu, bukanlah berdasarkan kematian yang menyedihkan itu, tetapi kerana kemanusiaannya atau sikap kita terhadap insan sejagat. Katanya:

Jika kita menyesali kematian atas seorang
dan hati tidak berdenyut untuk kematian yang lain
maka kemanusiaan tidak wujud di mahkota kebenaran
sebab bukanlah kemanusiaan bila ia ada perbatasan.
(Kemanusiaan)

Bagi Usman, kesatuan manusia adalah penting, bukan perbezaan atau batasan di antara mereka. Yang membezakan mereka antara satu sama lain ialah jasa dan baktinya, seperti diungkapnya dengan amat jitu:

... kerana kematian itu sendiri menyebabkan ia tidak mati
seperti sekarang kita menyebut-nyebut namanya, dan ia
telah menjelma menjadi bintang bersinar di langit zaman.
(Bintang di Langit Zaman)

Kemampuan melihat sesuatu dengan mata yang tajam menjadikan Usman seorang penyair yang kuat, bukan sekadar bermain-main dengan kata-kata tetapi tanpa isi yang dalam. Memang sebagai



manusia yang perasa, tiap kematian membawa kesan dan ertinya, terutama kematian orang yang berjasa. Penderitaannya tidak menghalangnya daripada mengingati Datuk Onn:

Meski kita berlainan bicara
dalam kenangan namamu terpaku
jasa baktimu hidup selama
meski keranda dirahap sepi.

Tegak tanjak ketinggalan jejak
bendera kuning kehilangan lonjak.

(Dato' Onn)

Pembelaan terhadap manusia diluaskan juga untuk alam sekeliling. Pokok dan burung juga memerlukan pembelaan, walaupun tindakan ke atas mereka dibuat atas nama "pembangunan".

Dalam sajak-sajak mutakhirnya seperti "Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar" atau "Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya", ini jelas kelihatan:

Sampai sekarang, tiap senjakala lembayung petang
dengarlah suara Beringin mengucapkan pesan:

Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan
Selamat tinggal matahari selamat tinggal bulan
Selamat tinggal kupu-kupu sayang
Selamat tinggal wahai burung-burung bersarang
Selamat tinggal anak-anak bermain riang

Namaku Beringin pohon tua yang terbuang
dimusuhi oleh rancangan bernama Pembangunan.

(Balada Terbunuhnya Beringin Tua
di Pinggir Sebuah Bandaraya)

Dan:

Tapi manusia kota ini telah membunuh kehijauan alam
semata-mata untuk mengejar kehijauan ringgit
sejak lumpur kota ini menjadi batu-batu
kami masyarakat burung menjadi mangsa yang bisu.

(Surat dari Masyarakat Burung kepada
Datuk Bandar)

Rasa kemanusiaan Usman itu menyeluruh dan menjadi sendi pada tema-tema lain yang membungai sajaknya.

Usman juga menulis tentang pengalaman peribadi dan keluarganya, tetapi ini bukanlah tumpuan utama yang mungkin menjadikan beliau seorang penyair yang sempit jiwanya. Kita



menemui tema keluarga dan tema kasih sayang hanya dalam beberapa buah karyanya sahaja. Walaupun beliau menulis dan menyentuh kisah-kisah yang terdekat dengan hidupnya namun beliau selalu mengolahnya dengan mendalam. Dalam sajak “Hadiah” tema keluarga diperluaskan untuk mencakup temanya yang lebih besar, iaitu tentang perdamaian sejagat. Usman melihat anaknya sebagai harapan masa depan dunia yang damai dan sejahtera:

Anakku dan anak-anak kita semua,
Jangan dilukai hati mereka dengan senjata,
Biar di wajah dan hatinya cinta berbunga,
Dunia yang damai, hidup yang sejahtera!
(Hadiah)

Pada mulanya Usman lebih bernada romantik, seorang jejaka yang amat peka dan perasa. Dengarlah Usman dalam sebuah sajak awalnya:

Pergilah kekasihku sayang,
Aku menanti dikau pulang,
Kuntum merecup semarak kembang,
Bersama beramai kita ke gelanggang.
(Gelombang)

Tema ini diperluaskan dalam sajak “Gadis di Kuburan” yang menjadi sumber sebuah drama muzika. Kisahnya berlaku di antara dua orang kekasih muda yang tidak direstui ibu bapa mereka. Ceritanya berakhir di kuburan. Dalam karya ini Usman berjaya menggambarkan suatu tragedi dengan penuh keharuan. Tema keluarga dan kasih sayang itu akhirnya berkembang dengan indah di tangan Usman, sebagai bukti menunjukkan bakat yang ada pada penyair ini. “Kelopak Rasa” bukan sahaja indah unguannya, tetapi mengandungi pemikiran yang lebih dalam daripada perasaan “...pedih luka bahagia-ria/...supaya semua sama mencecah”. Dan dalam “Kekasih”, sebuah sajak yang cukup baik, beliau bukan sahaja mengungkapkan perasaannya dalam satu bentuk yang indah, tetapi membawa makna cinta di bawah permukaan hubungan dua orang kekasih.

Akan kupintal buih-buih
mejadi tali
mengikatmu



.....
Kekasih, hitunglah mimpi
yang membunuh realiti
dengan syurga ilusi.

(Kekasih)

Berbagai tema telah dikemukakan oleh Usman. Pengalaman peribadi seperti mogok (dalam "Malam Penghabisan", "Duri dan Api", "Kawan dan Dendam", dan lain-lain) yang kemudiannya memaksa Usman menganggur buat seketika (dalam "Ayah Belum Pulang", "Derita", "Budi", dan lain-lain) atau pahit pedih seorang mata-mata di zaman penjajah yang terpaksa berjuang walaupun perjuangan itu tidak difahaminya adalah tema-tema lainnya yang juga menjadi buah penanya. Dan dalam berbagai ragam temanya itu, beliau tidak lupa pula membawa tema keagamaan seperti dalam "Cahaya dari Kaabah" dan "Gadis dan Ayat Suci".

Dalam konteks Malaysia, tema hubungan antara kumpulan etnik penting dalam percubaan untuk menegakkan persefahaman. Sajaknya "Penjual Pisang di Kaki Lima", "Pemuda dan Gadis Tionghua", "Anak Jiran Tionghua" dan juga "Kambing Hitam" memberikan kita dasar-dasar persamaan dan persefahaman antara kaum, tetapi cukup penting juga ialah bahawa beliau tidak berdakwah tentang hal ini. Persefahaman ini penting untuk kebahagiaan negara dan manusianya. Katanya:

Bumi tercinta resapkan wahyumu
jantung mereka adalah langitmu
darah mereka adalah sungaimu
nafas mereka adalah udaramu.

(Anak Jiran Tionghua)

Sebagai kesimpulan kita lihat bahawa Usman menyentuh inti persoalan kemanusiaan, dan dalam melihat kemanusiaan ini beliau telah membincangkan tentang tema kekeluargaan, kasih sayang, hubungan antara etnik, agama dan lain-lain lagi. Tema-tema yang dominan ini telah menunjukkan Usman sebagai penyair yang berkemampuan, dalam kesusasteraan Melayu Usman bukan sahaja pemula tetapi seorang penyair yang bertahan tidak kurang dari 30 tahun, suatu contoh yang ulung untuk penulis muda kita.

Bentuk

Sebagai penyair Usman Awang amat peka kepada bentuk yang



menjadi wadah perasaan fikiran serta ideanya. Seringkali bentuk itu menjadi bingkai kepada cara pengucapannya dan kadang kala memberi peribadi kepada karya itu dalam menentukan nada dan memerikan suasananya.

Usman datang dari suatu tradisi yang menganugerahkan beberapa bentuk yang telah jadi utuh oleh pemakaian dan perkembangan yang lama. Di antara yang lebih penting ialah pantun, syair dan mentera; kesemuanya telah meresap masuk ke dalam jiwa penyair dan telah menolong membina konsep penciptaan dan bentuk puisi, malah juga jenis *metafora* yang baik.

Tradisi ini diterima dengan aliamiah dan penuh kepercayaan akan kebaikan dan keberkesanannya. Penyair melihat dirinya sebagai pewaris bentuk-bentuk lama ini dan bertanggung pada dirinyalah tugas untuk menggunakannya serta memperkembangkannya, sesuai dengan zaman dan persoalannya.

Dari antara ketiga bentuk yang disebutkan di atas pantunlah yang menjadi contoh dan dasar terpenting untuk Usman. Oleh itu dalam sajak-sajak awalnya (dari kumpulan *Gelombang*) bentuk pantun ini amat banyak digunakan dan ciri-cirinya diserapkan, walaupun tema yang dipersoalkan atau sudut pandangan yang dipilih itu moden. Sajak “Jiwa Hamba” adalah sebuah contoh yang baik di sini.

Termenung seketika sunyi sejenak,
Kosong di jiwa tiada penghuni,
Hidup terasa diperbudak-budak,
Hanya suara melambung tinggi.

Berpusing roda bersilihlah masa,
Berbagai neka hidup di bumi,
Selagi hidup berjiwa hamba,
Pasti tetap terjajah abadi.

Kalau hidup ingin merdeka,
Tiada tercapai hanya berkata,
Ke muka maju sekata, maju kita,
Melemparkan jauh jiwa hamba.

Ingatkan kembali kata sakti,
Dari bahang kesedaran berapi,
'Di atas robohan Kota Melaka,
Kita dirikan jiwa merdeka.'



Walaupun ciri pembahagian bait kepada pembayang dan maksud tidak digunakan sepenuhnya, namun begitu, kita dapat melihat pemikiran dan proses penciptaan yang membezakan dua bahagian idea, yang pertamanya dijadikan latar atau tapak kepada yang kedua, iaitu pernyataan maksud yang agak terus terang. Bahagian pertama seterusnya menjadi semacam pelengkap kepada bahagian kedua, seperti dalam sebuah karya pantun yang berjaya.

Rentak pantun yang tercipta oleh akhiran untaian yang berkerat empat, rima silang abab dan jeda pada setiap kerat juga menjadi sifat penting karya ini yang mendekatkannya kepada bentuk tradisional ini.

Walaupun di zaman awal ini Usman banyak mengambil contoh dari bentuk-bentuk puisi lama Melayu ataupun secara lebih umum meminjam dari perpustakaan tradisi sastera Melayu, kita lihat juga bahawa dengan sedar beliau telah menambahkan unsur-unsur moden ataupun membuat perubahan pada bentuk lama ini sebagai kerja penyesuaian. Kerja ini pula boleh dikatakan sebagai suatu usaha yang bijaksana. Malah dapat kita simpulkan bahawa seluruh sajak dalam kumpulan *Gelombang* adalah eksperimennya dengan bentuk lama untuk mencipta sesuatu yang moden untuk keperluan zamannya. Jangka waktu yang diambil untuk eksperimen cukup panjang, iaitu 11 tahun. Usman bereksperimen secara perlahan-lahan, mencuba setiap kemungkinan tanpa bergopoh-gapah mengejar kemodenan. Malah dalam sajak-sajaknya selepas tahun 1960 juga terdapat lagi bentuk dan ciri-ciri tradisional, yang bukan saja tidak diabaikan tetapi menjadi jiwa karya-karyanya.

Bentuk dari "Jiwa Hamba" Usman seterusnya mulai mencari jalan bagaimana beliau dapat mengekalkan sebanyak mungkin bentuk Melayu yang telah menjadi sebahagian dari dirinya. Beliau agak terbuka dalam cara penyesuaian ini dengan melihat bahawa bentuk pantun itu dapat dikekalkan bukan dengan hanya terus menggunakan peraturan panjang-pendek jumlah sukukatanya atau berpegang teguh kepada rimanya, tetapi telah menangkap jiwa bentuk ini dan memasukkannya ke dalam inti karyanya.

Sering juga penyair memanjangkan baris-barisnya, supaya rentak pantun dapat diperlahankan seperti dalam "Langit Tinggi" dan "Kubur Tak Bernisan". Kadang-kadang barisnya dipendekkan dengan maksud untuk mengentalkan bentuk itu dan mempercepatkan iramanya seperti dalam baris kedua dan ketiga bait-bait sajak "Gadis Suci" ini:



Kutemui semalam dalam mimpi.
Di cuaca cerah
Di taman indah
Sinar mata seribu seri.

Tiada cela penuh cahaya,
Dia datang
Dia memandang
Setangkai teratai senyum di kepala.

Lembut langkah berayun tenang,
Lambang kesucian
Penuh keagungan
'Gadis Suci' ciptaan Tuhan.

Tapi mimpi mainan khayal,
Tersedar sudah
Di pagi indah
Hilang mimpi penuh kesal.

Sampai kini terpeluk tanya,
'Benarkah dia
sungguh ada'
Antara hidup semua manusia?

Rima juga menjadi bahagian penting dalam struktur lihatan (visual) serta muzik karya-karyanya. Walaupun begitu beliau tidak hanya mengikut rima silang pantun yang mungkin akan menipiskan kesan bunyinya jikalau terlalu digunakan. Dengan kesedaran ini beliau telah bereksperimen untuk melainkannya. Oleh itu kita dapati bahawa dalam "Gadis Suci" di atas rimanya dirobah menjadi abba dan di karya lainnya rima tunggal, seperti syair, atau seperti dalam "Melukis Rasa Melukis Cerita" rimanya tidak "regular" seperti yang disebutkan tadi, tetapi masih digunakan dengan kesan yang berlainan pula. Dalam sajak ini dan dalam beberapa buah sajak lainnya rima tidak digunakan secara formal, tetapi dipakai sewaktu diperlukan.

Apabila jumlah baris dipanjang atau dipendekkan maka patahlah irama pantun dan timbul kebebasan baru, yang mendekati bentuk serta irama baru. "Berita dari Kampung" ialah contoh yang baik:

Surat ayah pedih terasa padaku:
Getah tidak laku, jelapang kosong selalu;
Segala keluhan dunia jadi hantu.

Ada pemburu, banyak sekali;
Di hujung malam hebat letusan berbunyi,
'Jangan kembali, anakku,
Peluru sesat kelak mencarimu.'



Ah, serba pahit-pahit,
Deritanya bukan sedikit.

Walaupun rima, panjang baris dan baitnya dirobuhkan, namun yang menjadi suatu ketetapan yang umum ialah “regularity” baris-baris dalam baitnya. Jarang terdapat dalam *Gelombang* atau *Duri dan Api* bentuk yang terlalu bebas, terlalu mengikut rentak bercakap. Karya-karyanya selalu mementingkan pola “regularity” ini, dan tidak syak lagi “regularity” ini mengawal iramanya dan mendekatkannya kepada kebiasaan puisi lama.

Setelah bereksperimen beberapa tahun kita merasakan bahawa di akhir *Gelombang* Usman telah mencapai semacam bentuk yang sesuai untuk dirinya. Bentuk ini telah dibina dari bentuk-bentuk tradisional dan dari keperluan kebebasan untuk mempersoal hal-hal yang lebih menuntut perbincangan dan penghujahan serta cara ucapan yang tidak terlalu formal sifatnya. Sajak “Damai” misalnya mengambil dari sastera lama, bukan saja bentuk luaran tetapi teknik ulangan yang akhirnya membina bentuknya sendiri. Sebagai contoh diturunkan bait pertamanya.

Di mana benua yang mencintainya,
Di mana udara yang merangkulnya,
Lagunya beralun, mesra kasihnya,
Di putih salju, atau di padang tandus.
Di hitam kulit, atau di putih wajah.

Ulangan ini juga tidak dilaksanakan dengan terlalu “regular”, supaya tidak terlalu membosankan, tetapi dengan merubah-ubahkan bentuk itu setiap kali diulang kita dipersembahkan dengan kelainan imej dan rentak. Baris kedua bait pertama mengulangi bentuk prosa yang semukur, tetapi bentuk ini tidak diulang dalam baris ketiga (dan dengan itu mematahkan iramanya). Seterusnya dalam baris keempat dan kelima dikenalkan suatu bentuk prosa yang berlainan pula. Inilah cara beliau belajar dari sastera lama, dengan mengambil dari kebiasaan dan cara puisi lama, bukan hanya kulit atau rima permukaan sahaja.

Buku puisi kedua Usman Awang, *Duri dan Api* ialah pemantapan bentuk yang telah dibina ini. Bentuk ini seterusnya mencair untuk memungkinkan nada dan sudut pandangan yang lebih baru. Pada umumnya Usman mengelak kekentalan pantun yang memadatkan makna dalam baris dan bait yang pendek. Ayat prosa, atau maknanya tidak semuanya terikat kepada bentuk baris, tetapi melimpah ke baris-baris berikutnya. Walaupun imej-imej diguna-



kan, imej-imej ini juga seringkali bersambungan secara erat dengan imej-imej lainnya, dan tidak berdiri secara sendiri.

Bentuk-bentuk *Duri dan Api* ini telah dapat membawa pemerian alam dan manusia, cebisan cerita, suasana, perasaan, malah unsur-unsur retorik dan pidato yang diselipkan ke dalam cerita atau penggambaran peristiwa.

Walaupun Usman telah mencapai suatu bentuk yang agak mantap untuk peribadinya di awal dan pertengahan dekad 1960-an, namun di antara dua tempoh ini terdapat juga bentuk-bentuk yang lebih kental yang menjadi bukti rindu Usman kepada bentuk-bentuk yang lebih mengikat dan menuntut ketekunan dan disiplin. Penyair lebih dicabar dalam bentuk yang banyak menggunakan unsur lama dan sesekali pulang untuk mengukur kembali kebolehannya mencipta dalam bentuk tradisinya. Malah terdapat sebuah sajak yang diberi judul “Pantun” yang pada umumnya mematuhi peraturan-peraturan pantun:

Pesta semalam senja mengatup
berbaju biru bertudung lingkup
jika matamu kerling menyahut
hati kasih rindu bertaut.

Lagu kasih puncak mahligai
senda gurau tawa berderai
meliuk manis lengan membelai
anak rambut jatuh berjuntai.

Gugur gerimis menjelang senja
janji keramat kita berdua
alangkah manis bertentang mata
seribu nikmat mencecap rasa.

Istana kecil di tengah kota
langsir biru bertingkap dua
abang menunggu bilakah tiba
adik seorang bandingan tiada.

Pantun ini cukup berjaya, kerana peribadi penyair masih sesuai dengan tuntutan bentuknya. Juga berjaya ialah kekentalan makna dan penggunaan perkataan yang ekonomis. Kadang-kadang kita perhatikan bahawa Usman lebih berjaya apabila bentuk karyanya lebih padat, kecil dan mendekati pantun seperti sajak “Peristiwa” dan “Konfrantasi”.

Duri dan Api memperkenalkan juga dua bentuk baru “balada” dan “tablo”, kedua-duanya ranting kepada perkembangan stailnya. “Balada” Usman ialah bentuk naratif panjang, tetapi sering pula



ditambahkan dengan unsur retorik dan drama.

Keperluan untuk bercerita, memeri dan membawakan dialog lebih mendekatkannya lagi kepada bentuk yang semakin bebas. Tetapi setiap bahagian “balada” ini mempunyai pola, irama dan suasananya sendiri. Dengan merubah-rubahkan pola barisnya, karya ini dapat memeri dan menangkap pelbagai suasana dan peristiwa.

Sekali lagi kemajuan ini tidak, pada umumnya, dicapai dengan tidak meninggalkan unsur-unsur “regularity” dalam baris setiap bahagian. Unsur “regularity” ialah unsur irama yang amat penting kepada Usman.

“Tablo” pula ialah semacam sandiwara untuk suara, suatu persembahan yang didasarkan kepada kekuatan, kemerduan unsur-unsur bahasa dan ucapan. Penyair menamakannya “Langin suara”. Dalam bentuk ini ciri-ciri magis dari bahasa dikumpulkan dan diberi tugas penting. Sekali lagi teknik-teknik lama menolong menyampaikan makna seperti ulangan metafora, ulangan kata (yang boleh bertugas sebagai tingkahnya), rima dalaman, rima hujung, asonansi dan alitrase. Dengarkanlah Suara I dari tablo “Cahaya”

Suara I

Duniaku hutan malam belukar-gua
aku sekedar merasa tanpa menatap cahaya
jauh, jauhnya sinar penyuluh hayat
yang memberiku arah bekerja dan berjuang.
betapa penjara malam memisah jarak nyata
dari hidup dan alam yang pernah kukenal
dan aku tidak bisa menyaksikan lagi
— — selain dari merasa dengan hatiku — —
senyum dan duka dari bibir anak-anak tercinta
erti pandang isteri pengasih dan teman setia

Mainan bunyi *u* di baris pertama diikuti oleh suatu deretan vokal *a* di baris kedua, dan seterusnya sekali lagi bunyi *u* diulangi di baris ketiga, sementara di awal baris itu digandakan perkataan “jauh” untuk menunjukkan jarak yang lebih besar.

Dalam sajak-sajak barunya yang dikumpulkan di bahagian kedua *Salam Benua* (DBP, 1982) perkembangan bentuk Usman dipertingkatkan seterusnya. Beliau tidak pernah berasa puas dengan apa yang telah dicapai, kerana dia juga peka kepada perubahan zaman. Sajak-sajak ini lebih memperlihatkan wajah mutakhir Malaysia atau antarabangsa. Misalnya sajak “Kambing Hitam” yang



agak panjang itu dibahagikan seperti sebuah berita di halaman suratkhbar dengan "subtile"nya: "sebelum", "13 Mei", "berkुरुng", "sesudah" dan "kini", yang juga memberi urutan perkembangan ceritanya.

Dalam sajak ini juga terlihat keinginan Usman untuk memberi kesan-kesan latihan kepada pembaca (*yang tidak lagi membaca secara nyaring, tetapi melirik baris dan halaman dengan mata*). Baris-barisnya tidak begitu "regular" di sini, dan diatarkan dalam bentuk grafis yang membawakan kelainan. Tidak lagi semua barisnya bermula dari titik pertama di kiri halaman, tetapi dibawa ke tengah-tengah halaman untuk mencapai kesan yang lebih kuat. Ada pula perkataan yang diberikan huruf besar semuanya seperti **BERJAYA** untuk menerkam pandangan pembaca.

Permulaan eksperimen dengan bentuk lihatan ini disambungkan kepada sajak "Salam Benua" dan sajak-sajak lainnya. Bentuk "Salam Benua" ini berjaya kerana sajak itu diatur dalam baris-baris yang tidak semukur, tetapi menjadi bahagian-bahagian yang akhirnya bercantum menjadi bentuk dan tema yang berkesatuan. Diturunkan bahagian I sebagai bukti kepada hujah ini.

I

mereka memisahkan kita
pasport visa wilayah segala tembok nama
mereka merompak kita dengan undang-undangnya
peluru dikirimkan dalam bungkusan dollarnya
kita dipaksa memilih salah satu
tiada jalan lain

Sajak "Salji Hitam" pula ialah eksperimen dengan bentuk yang menggabungkan unsur grafik dan teknik halaman suratkhbar yang memusatkan pandangan pembaca kepada huruf besar dan berat. Baris-barisnya juga diatur untuk membawa gerakan makna yang lebih hidup. Misalnya, baris-baris yang menekankan warna salji hitam ini:

di sini salji lain warna
hitam
Hitam
HITAM

Kita lihat kata dan makna "hitam" itu makin membesar dan mengancam. Dengan maksud begitu juga kata "HITAM" dalam



huruf besar itu diletakkan di tengah-tengah halaman secara strategis untuk mempengaruhi pembaca.

Akhir sekali Usman mencuba juga dengan bentuk prosa puitis yang bercerita secara alegori. Dalam sajak ini tiga jenis bentuk ditemukan: puisi, prosa dan cerita. Inilah bentuk terbaru untuk Usman dan masih memerlukan percubaan selanjutnya. Sajak ini berjudul “Benarkah Ketam Mengajar Anaknya Berjalan Betul?”

Sebenarnya Sang Ketam tidak pernah menyuruh dan mengajar anaknya berjalan betul kerana Sang Ketam cukup yakin bahawa caranya berjalan, sebagaimana cara nenek moyang kepada nenek moyangnya, dan cucu cicit kepada cucu cicitnya berjalan, telah betul dan sempurna. Sebaliknya bangsa Ketam pulalah yang merasa hairan dan takjub melihat manusia itu sendiri yang tidak habis-habis, malah bertambah-tambah dengan ajaran dan peraturan yang pelbagai macam, dari doktrin-doktrin, rukun-rukun, fatwa-fatwa sampailah kepada akta-akta, pekeliling-pekeliling dan memo-memo. Manusia telah menghabiskan waktunya untuk membuat segala macam peraturan dan mengawasi pelaksanaan peraturan-peraturan; dari peraturan lalulintas jalan raya, peraturan datang ke pejabat dan peraturan berpakaian, sampailah kepada peraturan-peraturan bercakap di Parlimen dan di mahkamah, peraturan menyekatkan air dan menggunakan elektrik, serta peraturan menyimpan rambut di kepala bagi kepala yang berambut. Kehairanan Sang Ketam itu kian bertambah bila melihat manusia yang tidak pernah berjalan betul itu menghabiskan waktunya dengan mendandan mukanya, memelihara rambutnya, mengenakan pakaiannya, malah lebih aneh menahan makan dan minum untuk menguruskan badan, menelan kapsul dan jamu-makjun untuk memperkuat bahagian-bahagian anggota tubuhnya, mengumpulkan harta dan ringgit, menentukan jenis darah dan keturunan serta status dan gelaran, malah sangat teliti mencukur bulunya di samping berkelahi dan berbunuhan, menindas dan menipu sesamanya. Soalnya di sini siapakah sebenarnya yang mengajar dan menyuruh anaknya berjalan betul, Ketam atau Manusia?

Pada Usman bentuk karyanya penting bukan saja untuk keseniannya tetapi juga sebagai penyampai pemikirannya. Beliau bermula dengan bentuk pantun yang pada tahun-tahun selepas Perang Dunia Kedua menjadi bentuk yang terpenting. Seterusnya beliau menyesuaikan bentuk ini dengan zamannya yang sedang berubah dan dengan persoalannya yang semakin berkembang. Beliau berjaya menyesuaikan bentuk tradisional ini dengan zaman dan peribadinya. Tetapi sekali lagi zaman dan tuntutan berubah dan Usman sekali lagi bereksperimen dengan bentuk terbaru untuk pembacanya. Dan ini juga dilakukan dengan cukup jayanya.

Bahasa

Usman Awang sering terkenal kerana bahasa yang digunakannya



bukan sahaja dalam puisi, tetapi juga dalam prosa. Bahasa ini pula mempunyai semacam tanda peribadi yang sekaligus menjadi tanda pengenalan untuk Usman.

Walaupun bahasa puisi Usman telah melalui perkembangan tiga puluh tahun kita masih dapat menggalurkannya kepada tradisinya, sumber bahasa sastera pertamanya.

Seperti juga sumber bentuknya, sumber bahasa puisi Usman ialah bahasa yang berpusat kepada pantun, tetapi ditambah juga dengan bahasa syair, gurindam, hikayat dan juga bahasa puisi yang digunakan dalam tahun 1930-an.

Bahasa pantun mempunyai dasar-dasar estetikanya tersendiri. Ia berdasarkan imej yang cantik, bahasa yang kental dan utuh yang agak lembut, tetapi teratur dan indah. Imej-imej yang digunakan juga mempunyai prinsip pembinaan, tetapi sering pula boleh diambil dari imej-imej yang ada. Bahasanya bersalut dan mementingkan muziknya. Usman mengambil banyak dari dasar-dasar ini sebagai landasan karya puisinya.

Yang amat ketara ialah imej-imej ini diletakkan sebagai tapak puisi, maknanya adalah seperti bunga kepada ranting imej ini. Seperti pantun juga, banyak daripada imej ini diambil dari alam: langit, awan, bumi, cahaya, fajar, pagi, angin, api, daun-daun, ombak, karang, riak dan sebagainya. Sebagai contoh boleh dikutip imej-imej ini:

Kalau aku tahu langit itu tinggi
(Langit Tinggi)

Langit tinggi berbandung awan pekat hitam
(Langit Tinggi)

Tidak hirau, dingin hujan menyiram muka
(Nasib Buruh)

Merecup kembang di hujan pagi
(Yang Lahir dan yang Mati)

Sebidang tanah tandus untuk huma
(Pak Utih)

Akan kupintal buih-buih
akan kutenun awan gemawan
(Kekasih)

Bunga putih di antara seribu warna
(Bunga Putih)

Imej-imej ini pun dari bahagian atau kejadian alam yang cantik,



yang diucapkan kembali dalam bahasa yang indah. Imej-imej ini dijadikan latar belakang kepada persoalan dalam puisinya dan menolong menjelaskan persoalan itu.

Imej jenis kedua ialah yang diambil dari alam manusia. Berbagai bidang kehidupan dan kemasyarakatan telah dipilih untuk dihablurkan ke dalam bahasa yang baik. Beberapa imej manusia yang kuat mengesan kepada matahati kita antara lain ialah:

Manusia mabuk tanah dan darah
Kekejaman seperti setan bermata merah.
(Kekallah Perdamaian)

Penjual pisang tercatuk di kaki lima
(Penjual Pisang di Kaki Lima)

Hutan rasaku terbakar tujuh tanjung
(Konfrantasi)

Aku melompat dan kubelah jalan raya malam
(Serunai Malam)

Biasanya imej alam dan manusia dicampurkan, sekali lagi yang satu melengkapinya yang lainnya. Alam melatarkan hidup manusia; dan manusia bergerak dalam latarnya. Kedua-duanya digunakan sebagai bahagian penting dalam semua jenis sajak Usman, dan menjadi inti kepada metaforanya.

Usman juga sering kembali kepada kekayaan peribahasa Melayu untuk menguatkan karya modennya. Malah beliau melihat:

Bidal pusaka nenek moyang
bukan sekadar pemanis kata
tapi bukti kebenaran hakikat.
(Gema)

Kadang-kadang metaforanya dibina dengan mengambil seluruh bidal dan peribahasa lama, tetapi di tempat-tempat lainnya hanya dihubungkan atau dirujuk kepadanya. Banyak juga metafora ini diciptanya sendiri sesuai dengan pandangannya bahawa, kiasan dan perbandingan “haruslah tepat-segar-asli” (*Sikap dan Pemikiran Usman Awang*, hlm. 165).

Bahasa Usman biasanya lembut dan memberi kesan yang mesra. Baris-barisnya mengalir dan nadanya, pada umumnya, agak rendah. Nada begini tercipta dari penggunaan perkataan yang lebih mementingkan bunyi-bunyi vokal. Lenggangnya lebih tenang dan



lapang, jarang patah-patah. Barisnya lebih panjang dan suaranya rendah.

Tetapi sebaliknya terdapat agak banyak juga sajak yang lebih patah-patah pergerakannya dan lebih tajam kesannya kepada pembaca. Dalam sajak-sajak ini Usman tidak memilih untuk melembutkan bahasa atau nadanya, kerana beliau perlu menyesuaikan alat pengucapan dengan persoalannya. “Keyakinan” ialah contoh untuk bahasa begini:

Bahawa hidup telah dipahat ke jantung kita
atas kemauan bersama
Itulah kebenaran yang tidak diminta
untuk hati yang sekarang mencecah rasa.

Bahawa kita mendirikan istana kota
tanpa kayu dan batu-bata, adalah keagungan
yang kita bina demi keyakinan
oleh apa saja tiada teruntuhkan.

Kita adalah zat-zat keyakinan
yang dijadikan untuk tidak dapat dihancurkan.

Berbanding dengan penyair di zamannya Usman dapat dianggap sebagai pengguna bahasa yang dapat menghindari dirinya daripada pengaruh negatif bahasa asing. Beliau meletakkan bahasa yang bersih sebagai unggul sasteranya. Bahasa ini juga diukur kebersihan atau kemurniannya berdasarkan bahasa Melayu dalam karya klasik Melayu. Di sinilah penyair mempraktikkan ungkapan bahasa jiwa bangsa dengan ghairahnya.

Suatu ciri bahasa Usman ialah keterkawalannya. Kita rasa ayatnya selalu disaring dan disampaikan dengan mengikut adat dan kebiasaan berbahasa, dengan sopan santun, dengan sukatan dan nada yang sesuai. Lihat misalnya bait berikut yang dikutip dari “Gadis Kecil”

Gadis kecil itu mengagumkan daku
tenang dan senyuman yang agung
dengan sopan menolak pemberianku
“saya tak perlu wang, pak cik,
cukuplah kertas dan buku.”

Puncak cerita disampaikan dengan tenang dan licin. Usman tidak membesar-besarkan puncak ini tetapi membenarkan peristiwa itu meresap di bawah baris-barisnya. Permukaannya licin dan tidak banyak geloranya; ceritanya bergolak di bawah permukaan ini. Cara



begini juga merujuk kepada gaya hubungan antara orang Melayu yang mementingkan harmoni dan tidak terlalu menonjolkan konflik. Tiada bahasa kasar, keras atau kesat pada karya-karyanya, kerana ini melanggar sopan santun dan keindahan seni sastera. Kritiknya disampaikan secara tidak langsung atau dalam kiasan, kadangkadangkang halus dan tersembunyi.

Suatu lagi ciri bahasa Usman ialah pentingnya unsur-unsur perasaan dalam perkataan yang dipilihnya. Perkataan-perkataan ini membawa bersamanya jalinan siratan makna emosi yang agak tebal, terutama dalam sajak-sajak *Gelombang*. Dalam banyak karyanya emosi menjadi landasan penting pergerakannya. Jikalau kita kutip bait pertama “Kelopak Rasa” kita akan lihat betapa beratnya tanggungan emosi kata-katanya.

Jika rasa ini seperti angin malam
bertiup dari laut dan gunung
melampaui tanah-tanah subur dan ladang menghijau
hati ini akan menghembuskan bahagia yang melimpah
bergetar bagai riak di tasik hati bulan cerah
kepada setiap benda supaya semua sama mencecah.

Perkataan “rasa” itu sendiri memperlihatkan beban makna yang taksa; dan makna ini ditambah pula apabila dibandingkan dengan “angin malam” yang menuntut pembaca memberi makna khusus kepadanya. Mungkin yang diberikannya ialah sifat-sifat kedinginan, kesegaran, konsep dan misteri. Begitu juga baris-baris

hati ini akan menghembuskan bahagia yang melimpah
bergetar bagai riak di tasik hati bulan cerah.

mengundang kita untuk mengisi makna ke dalamnya, dari perjalanan dan pergerakan kita. Kata-kata seperti bahagia “melimpah” dan “riak” bukan sahaja menjadi kata nama atau kata perbuatan biasa, tetapi oleh kerana begitu lama digunakan dalam konteks perasaan, maka makna yang agak penuh juga dibawakannya. Kita juga menerima sajak itu dengan siratan konotasi yang luas.

Walaupun begitu perlu disebutkan bahawa jaring konotasi perkataan Usman makin menipis sehinggalah karya-karya mutakhirnya. Bahasa mutakhir beliau lebih mendekati maksud asal dan objektif, sesuai dengan zamannya. “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya” ialah contoh baik untuk karya jenis ini.



Dapat kita simpulkan di sini bahawa Usman menganggap bahawa bahasa sebuah puisi haruslah cantik serta sesuai. Kecantikan ini dicipta dengan landasan dan bentuk sastera tradisional, manakala kesesuaian ditentukan oleh tema, zaman dan tuntutan kebebasan. Kecantikan dan kesesuaian ini juga menolong memerdukan karya-karyanya. Konsep puisi beliau amat bergantung kepada prinsip bahawa bahasa bersopan santun, berukur dan harus terkawal. Citarasanya yang halus pula membimbing penyair untuk mencapai bahasa yang dianggap unggul ini.



DRAMA

Pendahuluan

USMAN AWANG telah mencipta 22 buah drama dan dari jumlah ini ada 3 buah yang dapat dianggap telah memberikan sumbangan yang besar kepada sejarah perkembangan drama Melayu. Drama-drama tersebut ialah "Matinya Seorang Pahlawan", "Tamu di Bukit Kenny" dan "Uda dan Dara". Karya-karya ini memperlihatkan Usman sebagai pengarang yang telah mencapai kematangannya. "Matinya Seorang Pahlawan" adalah di antara drama Melayu yang paling kerap dipentaskan oleh kumpulan-kumpulan teater tempatan sejak ditulis pada tahun 1961. Drama ini juga satu-satunya drama Melayu yang dipentaskan di luar negeri, iaitu, semasa First Third World Theatre Festival yang dilangsungkan di Filipina pada tahun 1972. Oleh kerana tidak terikat kepada satu-satu zaman, maka "Matinya Seorang Pahlawan" telah mengilhamkan corak pementasan yang pelbagai – sandiwara, drama moden dan sezaman dengan memadukan gaya tradisional seperti Mak Yong dan Randai dengan gaya moden. Ini mencerminkan gaya serta struktur persembahan semasa yang digemari. Menurut tradisi penulisan drama Melayu, "Matinya Seorang Pahlawan" dapat digelar sebagai sebuah drama purbawara, iaitu satu bentuk drama yang mengambil cerita dan tema dari sumber legenda, hikayat ataupun sejarah. Melalui dramanya ini, Usman Awang telah dapat membaharui tradisi drama purbawara itu dengan mengahwinkan cerita dari zaman silam dengan struktur dramatik dan bahasa puitis yang agak moden. Imej Jebat sebagai seorang yang menentang amalan feodal dan menuntut keadilan serta kebenaran telah pun menjadi satu ikon dalam sastera Melayu moden, mempengaruhi pencipta-pencipta drama sehingga kini.

Pencapaian Usman dalam bidang drama moden (yang pada



tahun 1960-an juga dikenali sebagai citrawara), diwakili oleh karyanya “Tamud Bukit Kenny”, yang ditulis pada tahun 1967. Di samping Usman, corak drama moden itu telah pun dipelopori dan dimajukan oleh pengarang-pengarang seperti Mustapha Kamil Yassin, Awang Had Salleh dan A. Samad Said. Selain daripada menghalusi bentuk drama itu dan membantu mempopularkannya, “Tamud Bukit Kenny” juga memperkenalkan seorang watak utama yang jarang dihayati dengan nada empati. Pelukisan watak seorang pegawai tinggi kerajaan yang menghadapi secara bergilir-gilir beberapa masalah sosial sezamannya, membenarkan pembaca dan penonton memasuki serta menyebelahi seorang manusia yang biasanya dimusuhi dalam tradisi drama moden Melayu.

Kemasukan Usman Awang dalam dunia teater tahun 1970-an ditandai dengan munculnya drama “Uda dan Dara”, yang ditulis pada tahun 1972 dan dibukukan pada tahun 1976. Corak drama muzika yang diusahakan oleh beliau dalam penciptaan itu adalah sebaya dengan pelbagai rupa pembaharuan yang diketengahkan pada zaman itu. Drama ini seolah-olah ingin menuntut kedaulatan bagi teater berbanding dengan cita-cita kesusasteraan yang menguasai sejarah kemodenan drama Melayu sebelum itu. Walaupun struktur karya “Uda dan Dara” yang lagu-lagunya digubah oleh Basil Jayatilaka, dipengaruhi oleh bentuk muzika Barat, terutama corak *musical comedy* Amerika, namun demikian imej-imej dunia rakyat Melayu, dan bahasa, atau “jiwa” yang terbawa dalam drama ini, menandakan keyakinan dan naluri pengarang akan nilai-nilai tradisional Melayu.

Selepas selesai “Uda dan Dara”, Usman Awang tidak mencipta sebarang drama sehingga kini. Selain daripada menjadi seorang penganjur dan perangsang kemajuan teater, beliau tidak melibatkan diri dalam teater sezaman yang menguasai pentas Melayu sepanjang tahun 1970-an. Oleh kerana itu dapatlah disimpulkan bahawa sumbangan Usman Awang dalam bidang drama menyentuh sejarah drama dari penghujung tahun 1950-an hingga awal tahun 1970-an.

Pelbagai corak yang dinyatakan dalam tiga buah karya yang diperkatakan tadi juga dapat dikesan dalam kebanyakan drama yang lain. Keperibadian Usman sebagai seorang pengarang yang gemar serta sanggup mencari, menghalusi dan kadangkala memperbaharui bentuk drama, dapat dibuktikan dengan meninjau corak-corak drama itu. Dalam kira-kira 15 tahun, beliau telah menulis beberapa buah sandiwara radio (yang setengahnya di-



bahsuaikan kepada pentas), tablo, drama purbawara, drama moden, muzika, dan secara kerjasama juga Usman telah mengusahakan sebuah drama dwibahasa, iaitu “Pagi Merah di Pasir Salak”, yang ditulis dalam bahasa Malaysia dan Inggeris pada tahun 1971.

Kecuali tiga buah drama yang diketengahkan sebagai puncak pencapaian Usman Awang, kebanyakan drama beliau yang lain adalah agak lemah dari segi dramatik, namun ia harus dipertimbangkan juga kerana ia memajukan tema agung beliau di samping mendedahkan nalurinya mencari bentuk serta keperibadian yang sehati dengan beliau. Oleh kerana kebanyakan drama itu cuba mewujudkan realiti yang nyata bagi pembaca dan penonton dan cuba membentuk arus perjalanan cerita yang bercorak *linear*, yang terus-menerus tertumpu kepada plot tanpa diselangi atau diganggu oleh peristiwa dan kejadian sampingan atau selingan, maka ia memajukan tradisi drama moden yang dominan sepanjang tahun 1960-an. Kemodenan dalam bentuk drama juga dapat dikesan dari ciri kepadatan cerita dan penciptaan dialog yang cuba mencerminkan perbuatan sehari-hari dan juga peribadi watak-watak yang dikemukakan. Bersama dengan drama moden yang lain, yang juga dikenali sebagai drama masyarakat, Usman pun mengenengahkan masalah masyarakat Melayu selepas merdeka. Watak-watak yang dihidangkan itu melambangkan manusia yang dengan rasa optimis mengingini kemajuan dan pembangunan yang akan menjamin masyarakat yang adil dan harmonis. Pencipta-pencipta drama yang sezaman dengan beliau, Mustapha Kamil Yassin dan Awang Had Salleh, melahirkan cita-cita itu dengan mendedahkan konflik yang nyata antara generasi, antara desa dengan kampung, dan kadangkala konflik antara kaum. Dengan perkataan lain melalui karya-karyanya, mereka mendukung “the rites of modernization”, yang dalam drama moden Melayu memperlihatkan gejala saling bertindak atau *interplay* yang bersifat dinamik serta dramatik antara nilai-nilai tradisional dengan moden. Dan perubahan sikap atau situasi yang sering berlaku dalam drama moden, selain daripada memajukan nilai-nilai dramatik, melambangkan kejayaan pemikiran yang rasional dalam usaha mencapai kemajuan.

Usman juga turut serta dalam usaha mendedahkan permasalahan semasa. Akan tetapi, konteks yang dipilih oleh beliau dan tekanan yang diberi kepadanya, adalah agak istimewa dan sungguh sehati dengan keperibadiannya. Beliau pernah digelar sebagai seorang pengarang romantis, dan tafsiran ini sejauh mengenai tema dan



nada dramanya tidak boleh dinafikan. Sekiranya didapati satu tema yang agung yang mempertalikan kebanyakan dramanya, tema itu adalah cinta antara manusia, khasnya antara lelaki dengan perempuan, yang dilihat dari pelbagai sudut. Maka dalam drama-drama beliau, kita dapat menemui cinta tragis (“Sayang Sayup ke Bintang”), cinta tiga segi (“Hati Dibawa Pergi”), cinta yang melangkahi nafsu kebendaan (“Menjelang Takbir”), cinta yang mengilhami keinsafan (“Serunai Malam”) dan sebagainya. Sambil menceritakan kisah-kisah cinta ini, Usman mencipta suasana yang romantik melalui bahasa yang puitis, lagu yang bersifat lembut dan halus, dan juga dengan menggunakan suara ghaib, teknik berdrama yang mungkin dipengaruhi oleh bentuk sandiwara radio. Begitu banyak boleh dikesan mengenai cinta, sehingga seolah-olah terjelma sebagai satu metafora yang diperalatkan pengarang untuk memperkatakan nilai-nilai membangun dan memajukan masyarakat. Manusia yang didorong oleh cinta yang murni merupakan manusia yang unggul, kerana cinta mereka itu melahirkan sikap mengenal diri berhubungan dengan alam masyarakat, sikap mengamalkan egalitarianisme, dan sikap sanggup berjuang untuk menghadapi serta mengenyepikan desakan-desakan tenaga masyarakat yang kuno atau yang mementingkan kebendaan. Seperti secara retorik ditanya oleh Engku Bahri dalam drama “Malam Kemerdekaan”, “Bukankah hati dan perasaan itu akan memberi bentuk kepada hidup kita,” (*Tamu di Bukit Kenny*, hlm. 71), dan dinyatakan oleh Budi dalam “Hatinya Dibawa Pergi”, “....kukira cinta adalah lambang yang paling atas dalam hidup manusia” (*Dari Bintang ke Bintang*, hlm. 146-147).

Melalui tema cinta, Usman juga telah melukiskan perempuan moden yang unggul, satu perwatakan yang jarang disentuh dalam drama moden. Perempuan itu mempunyai beberapa ciri yang tertentu; mempunyai kerja sendiri, (misalnya Idah dalam “Bulan Tetap Bersinar”, dan Aziah dalam “Betisnya Bunting Padi”, yang bekerja sebagai pelakon radio), sikap mengenal diri (*Idah* “Senang bagi Idah lain dengan senang bagi mak,” (*Dari Bintang ke Bintang*, hlm. 87), dan terus terang melahirkan perasaan cinta itu. Di sisi watak baru itu, muncul pula kaum lelaki yang merupakan watak golongan seperti penyair, pelukis, pemimpin persatuan buruh dan wartawan yang kesemuanya mempunyai hubungan erat dengan kehidupan Usman sendiri.

Walaupun konflik antara nilai yang berbeza dan bertentangan itu jelas kelihatan menghairkannya, beberapa buah drama Usman



adalah agak lemah dan kufang berkesan membentuk konflik dan ketegangan dramatik. Kecenderungan ini dapat dicontohi dalam drama “Serunai Malam”. Dari segi penciptaan bahasa yang lincah serta padat, drama ini dapat menandingi “Tamud Bukit Kenny” yang jauh lebih masyhur itu. Bahasa dibentuk dan diubahsuaikan menurut peribadi watak, umpamanya ayah Umar dan orang kampung berbual dalam bahasa halus, sementara Safiah, yang dipengaruhi oleh kebudayaan Barat dan Umar sendiri, seorang terpelajar, sering condong ke bahasa keinggerisan. Safiah melambangkan perempuan moden yang berorientasikan Barat dan oleh kerana dipengaruhi oleh nilai-nilai kebendaan, tercabut dari umbi akarnya. Umar lain pula kerana dia rela memperalatkan ilmu yang baru dicapainya untuk membangun dan memajukan alam serta masyarakat kampungnya. Punca konflik itu jelas akan tetapi peleraianya agak kurang meyakinkan kerana Safiah tiba-tiba memperolehi keinsafan akan cita-cita murni Umar semata-mata oleh kerana terpesona dengan retorik si Umar. Rupanya, dalam drama ini dan dalam beberapa buah drama yang lain, Usman enggan bergelut dengan gejala psikologi yang mungkin perubahan sikap wataknya dengan lebih meyakinkan lagi.

Matinya Seorang Pahlawan

Soal ketegangan dramatik tidak timbul dalam “Matinya Seorang Pahlawan”. Konflik antara Hang Tuah dengan Hang Jebat yang mendasari drama ini, adalah cukup dramatik; lebih lagi oleh sebab ceritanya diolah dengan sungguh berwaspada dan menumpukan segala tenaga penciptaan kepada masalah pokok maka pembaca dan penonton senantiasa terpesona dengan perjalanan drama. Dalam drama ini, Usman telah mengkinikan cerita hikayat itu. Mengkinikan cerita zaman silam yang termasyhur dan yang menjadi hak milik umum merupakan salah satu ciri penting dalam kemodenan tradisi drama. Ini dibuat untuk memberi nafas dan pengertian semasa dan baru kepada cerita lama. Di samping menjelmakan satu perhubungan yang bermakna antara nilai masa lalu dengan masa kini, tindakan ini juga dapat membentuk satu ruang yang bebas daripada kongkongan masa, satu zon yang membenarkan kita merenung kepada asas nilai-nilai budaya Melayu. Drama-drama seperti “Si Bongkok Tanjung Puteri”, karya Shahrom Hussein, dan “Hang Jebat Menderhaka”, karya Ali Aziz, telah mempelopori kecenderungan mencari nada kekinian dengan mentafsirkan semula cerita-



cerita bersejarah. Pencarian ini diteruskan oleh Usman Awang yang cuba menembusi cerita Tuah-Jebat itu dengan permasalahan semasa dan, secara kebetulan pula, melalui drama itu, kita menemui pembaharuan dalam resam drama purbawara. Berbeza dengan kebanyakan drama purbawara yang lain, struktur dramatik “Matinya Seorang Pahlawan” padat, bahasanya agak moden dan corak perwatakannya terus mempersoalkan tanggapan ortodoks mengenai nilai kesetiaan dan penderhakaan.

Sifat kata pengantar dan suara latar, yang berlangsung pada akhir drama, menunjukkan yang pengarang itu masih lagi terikat kepada estetika purbawara. Tema dari segi cerita silam, latarnya, bahasa yang sebahagiannya bersifat perumpamaan, dan lagu dan tarian yang dihidangkan oleh dayang-dayang yang dirampas oleh Jebat, pada lahirnya juga menandakan resam-resam drama purbawara. Akan tetapi, dengan memadatkan cerita dan dengan menciptakan bahasa yang semata-mata tertumpu kepada tujuan-tujuan dramatik, Usman cuba menjauhkan diri daripada beberapa konvensi drama purbawara. Umpamanya, lagu dan tarian istana yang seolah-olah menjadi satu kemestian dalam tradisi purbawara tahun 1950-an telah diberi erti baru oleh Usman. Ia bukan sahaja dihubungkan dengan erat kepada plot drama (seperti dibuat oleh kebanyakan pencipta purbawara), akan tetapi peristiwa Jebat meminta dayang-dayangnya berlagu dan menari juga dipergunakan untuk mendalami perwatakan Hang Jebat dan Dang Wangi. Jebat dipertunjukkan sebagai seorang yang sungguh dinamik yang dengan berani dan cepat menyatakan perasaannya, dan juga bersifat agak “egalitarian” dalam hal perhubungan lelaki-perempuan. Bayangan perempuan moden yang diperkatakan tadi dapat dilihat pada perwatakan Dang Wangi. Perbualan antara Jebat dengan Dang Wangi pada permulaan drama itu diolah dalam gaya bahasa yang membantu penafsiran mengenai perwatakan mereka berdua itu. Gaya bahasa adalah ironik, dan terus menuju ke sasarannya, iaitu mencapai matlamat dramatik yang diutamakan oleh pengarang.

Dang Wangi: Hamba hanya seorang perempuan,
menjunjung segala titah dan hajat,
yang lemah menantikan, memberi dan menerima
tak arif hamba menaksirkan lagu apakah kegemaran
tuan.

Hang Jebat: Aku suka dengan bicaramu,
Wangi dan suara yang kukenal selama ini



nyanyikanlah apa sahaja lagumu
kerana itulah yang jadi kegemaranku.

Tiap peristiwa memajukan watak Jebat. Bila Jebat menghadapi cabaran daripada bekas sahabat-sahabatnya, iaitu Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu, yang datang untuk menunaikan titah Sultan, kita menjumpai si Jebat yang enggan bertarung kerana mementingkan rasa persahabatan. Dengan itu, timbul sikap Jebat sebagai seorang manusia berperasaan. Sekali lagi unsur yang memastikan makna peristiwa ini dan menyatakan akan alam dramatik adalah bahasa. Bahasa puitis yang jernih itu sesuai pula bagi mengisi keperluan dramatik:

Hang Jebat: Bertikam dengan engkau, saudaraku?
Tidak! Tidak akan kulakukan.
Sungguh malu
seorang sahabat ditikam atau
menikam sahabatnya

Untuk apakah, Kasturi, maka kita
menghunus keris mengadu tenaga sebab aku bukan-
lah lawanmu dan kau pula bukanlah musuhku.

Kejadian yang terakhir dan puncak yang ditunggu-tunggu berupa konfrantasi di antara Tuah dengan Jebat yang tidak dapat dielakkan itu. (Sebelum peristiwa itu berlaku, Jebat telah mengamuk, walaupun kejadian itu tidak ditunjukkan di atas pentas. Peristiwa dalam drama-drama moden biasanya ditempatkan dalam ruang tertutup dan biasanya juga perhatiannya diberikan kepada akibat-akibat peristiwa yang terjadi di luar lingkungan itu; juga kejadian seperti pengamukan yang berlanjutan itu sukar dipersembahkan di atas pentas moden yang mementingkan kepadatan masa. Oleh sebab-sebab itu, episod pengamukan Jebat itu diperkatakan oleh dayang-dayang). Kita tahu natijah dari pertarungan di antara dua pahlawan itu, namun kita masih terus menunggu akan kemunculannya kerana kita ingin menyaksikan bagaimana pengarang akan melakukan episod yang termasyhur itu.

Apa yang terjadi adalah satu perdebatan mengenai erti dan sebab musabab pemberontakan Jebat. Biasanya, debat di atas pentas yang bergantung kepada kata-kata amat sulit diselenggarakan tanpa mengelakkan kebosanan. Perbahasan sebenarnya dalam “Matinya Seorang Pahlawan” diselang-selikan dengan tikam-menikam, yang berupa perbahasan fizikal yang menyelamatkan drama ini dari ditenggelami oleh perbuahan yang keterlaluan. Yang lebih penting-



nya, pertikaman falsafah antara Tuah dengan Jebat diatur untuk menjelaskan tanggapan yang bertentangan di antara dua wira yang menjadi asas dalam psikologi budaya politik Melayu. Bagi Jebat, yang didorong oleh perasaannya, tidak ada jalan lain kecuali memperjuangkan keadilan dan kebenaran. Hukuman yang tidak adil yang dijatuhkan ke atas Tuah mencetuskan tindakan balasan beliau oleh kerana cintanya terhadap sahabatnya itu. Berhadapan dengan seorang pejuang yang penuh berperasaan, Tuah kekal membawa sikap tekad untuk membela sistem pemerintahan yang didasarkan kepada kedaulatan raja. Logik moden Jebat disuarakan dalam bahasa yang agak moden, yang juga bersifat ekonomikal, ironik dan yang menikam rasa kemanusiaan:

Hang Jebat: ...Tapi taat setiamu itu menyebabkan aku tertawa dan begitu anehnya kurasakan sekarang ketika orang yang menitahkan kematianmu kaujunjung dengan segala kerelaan: seperti kau menjunjung titahnya sekarang untuk membunuh orang yang membela kematianmu.

Jebat yang terpedaya oleh tipu muslihat Tuah yang merampas keris Taming Sari, telah tertewas. Akhirnya pengarang melakukan satu perhubungan terus antara si Jebat dengan pembaca dan penonton, satu pertemuan, yang keluar daripada lingkungan cerita dan yang kebetulannya membayangi estetika tradisional. Dalam ucapannya Jebat menerangkan tujuan pemberontakannya yang sebenarnya tidak perlu dijelaskan lagi kerana sudah banyak diperkatakan sepanjang drama. Akan tetapi, dengan menghadirkan Jebat pada penamatan drama, pengarang dapat memberi tekanan dan keutamaan kepada keperwiraan Jebat itu. Tambahan pula kemunculan Jebat menandakan walaupun Jebat akan mati, idea Jebat akan terus kekal, hidup dan segar. Dan idea Jebat itulah yang telah dihidupkan berulang-ulang kali oleh pencipta drama selepas “Matinya Seorang Pahlawan” dan dengan itu terjaminlah yang imej Jebat ciptaan Usman itu berkekalan dalam sastera dan seni Melayu, walaupun dalam gaya yang berbeza.

Tamu di Bukit Kenny

Berbanding dengan “Matinya Seorang Pahlawan” yang menyentuh tema dan perwatakan wira yang sifatnya sejati dan sejagat, “Tamu di Bukit Kenny” rupa-rupanya memperkenalkan seorang



manusia biasa. Nyatalah pegawai tinggi kerajaan itu bukanlah seorang wira, halangan-halangan luar diri beliau dan yang lahir dari peribadinya, membendung beliau dalam ruang yang sempit dan tidak membenarkan beliau melakukan tindakan yang berkesan untuk mengatasi masalah yang dihadapinya. Dalam perkataan lain, beliau adalah seorang manusia moden yang tidak dianugerahkan dengan jiwa keperwiraan. Dalam penulisannya, Usman jarang meninggalkan cita-cita manusia yang berkebolehan melangkahi masalah. “Tamu di Bukit Kenny” berbeza kerana ia secara tersirat mengakui batasan-batasan yang harus dihadapi manusia moden. Ciri inilah, sama ada disedari atau tidak oleh si pengarang, yang mengizinkannya menemui seorang watak yang kompleks. Yang anehnya, manusia yang diperlihatkan itu, adalah seorang watak kaum atasan yang membela sistem pemerintahan dan peraturan yang biasanya menjadi musuh dalam drama Usman dan beberapa buah drama moden yang lain. (Kata Pegawai Kerajaan: “Sekarang ini sikap orang dah terbalik. Orang marah kalau kita ikut aturan.”.... “Sekarang ini banyak benar aturan yang tidak ada aturan.” *Tamu di Bukit Kenny*, hlm. 7 dan 8). Akhirya, Usman berjaya juga merapatkan hubungan di antara watak utama itu dengan pembaca/penonton, yang sesungguhnya diperdayakan supaya lahirnya identifikasi diri dengan pegawai tinggi itu.

Bagaimana ini tercapai memberikan satu ajaran mengenai aturan dan pengolahan drama moden yang berkesan. Struktur dramatik “Tamu di Bukit Kenny” diselenggarakan dengan membina dua lapisan tindakan atau peristiwa yang saling bertindak. Pertama, hampir di sepanjang drama ini muncul secara bergiliran watak-watak yang bercorak taip, yang membawa bersama mereka masalah-masalah tertentu dan berlainan. Pada awalnya, kita bertemu dengan beberapa orang kampung, yang oleh kerana sibuk mencari rezeki, sukar mengerjakan tanah pinggir yang diberi oleh kerajaan. Selepas itu, muncul pula si Mamat, drebar si Pegawai, yang bercadang memasuki parti demi kepentingan diri. Beliau disusuli oleh seorang Tauke, yang menawarkan rasuah kepada si Pegawai dalam bentuk seorang gadis yang bernama Suzie Wong! Kemudian, datang pula saudara-maranya dari kampung, meminta pertolongan dari si Pegawai supaya beliau dapat memberi kerja kepada seorang pemuda kampung yang nyata malas dan bodoh. Akhirnya, anak-anak si Pegawai, yang asyik dengan keseronokan budaya pop Barat, menjadikan rumah di Bukit Kenny itu satu disko yang sungguh liar.



Lapisan kedua peristiwa drama itu mendedahkan reaksi si Pegawai akan masalah-masalah yang terbawa itu, sambil beliau berbual dengan isterinya, Cik Puan. Secara sepintas lalu, pasangan itu berpeluang pula memperkatakan mengenai banyak perkara semasa seperti lalulintas, amalan parlimen yang sia-sia, ubat tradisional berbanding dengan ubat moden, sifat suratkhbar sezaman yang suka mengheboh-hebohkan perkara-perkara sensasi. Secara beransur-ansur, si Pegawai itu dilukis semakin teruk, dan apabila beliau menjumpai anak-anaknya yang cuai itu, radangnya menyebabkan beliau jatuh kerana sakit darah tinggi.

Ketarah kejadian-kejadian dalam drama "Tamu di Bukit Kenny" tertumpu kepada fikiran, kelakuan dan tindakan si Pegawai, yang diperwatakan sebagai manusia yang agak baik. Umpamanya, beliau sanggup melindungi keluarga si Mamat yang malang, terus menolak hadiah rasuah yang dihidangkan oleh si Tauke, dan menyatakan hasrat untuk menolong orang kampung. Dengan demikian, kita berpeluang memasuki secara terperinci keperibadian watak itu dan kita diasuh untuk memihaknya. Dan kesemua ini dilakukan dalam sebuah drama pendek. Selain daripada suara latar yang mengulang rasa kemarahan ibu bapa akan tingkahlaku anak-anaknya, hampir semua perkataan drama ini sungguh berguna memajukan plot, perwatakan dan menjelaskan permasalahan cerita. Pelbagai komen mengenai kelakuan masyarakat sezaman dapat dibentangkan dalam masa yang singkat dan dengan menggunakan corak dialog yang padat. Salah satu hasilnya ialah ritma drama yang teratur dan agak halus. Di bawah ini diketengahkan satu perbualan antara suami isteri sebagai contoh:

Cik Puan: Awak percaya pil doktor saja. Sampai rumah ini pun macam klinik. Sana sini penuh botol pil awak.

Pegawai: Ah, awak ni tak ada lain nak cakap. Ubat itu ubat ini. Tak ada perkara lain yang menyenangkan hati.

Cik Puan: Saya cakap fasal ubat ini kerana awaklah. Kepala awak selalu pening. Tak sihat. Pitam-pitam. Mana hati nak senang kalau penyakit saja. Cuba ubat Melayu. Banyak khasiat, memberi tenaga.

Ayat-ayat yang pendek dan sederhana dan yang biasa ditemui itu, diolah sedemikian rupa untuk mencerminkan bahasa sehari-hari, yang rupanya "natural", dan dapat mengisi keperluan drama. Beberapa perkara dapat diselitkan dengan memperalatkan bahasa yang ringkas-ringkas itu.



Gaya bahasa itu juga membenarkan pengarang melahirkan bibit-bibit lucu dalam dramanya. Mencetuskan kelucuan sambil membentangkan masalah masyarakat yang berat, merupakan salah satu amalan ketara dalam drama moden. Kecenderungan ini dikesani juga, misalnya, dalam beberapa buah drama Mustapha Kamil Yassin dan dalam drama Kalam Hamidy yang bertajuk “Sial Bertuah”. Dan Usman pula tidak ketinggalan dalam penghasilan ini. Dalam “Tamu di Bukit Kenny”, Usman mencuba melahirkan gelak-ketawa melalui bentuk peristiwa dan juga melalui perbualan. Kelucuan yang dirancang itu menggambarkan orang kampung duduk di atas lantai rumah si Pegawai, mungkin tidak berapa kena bagi zaman kita. Akan tetapi, keiakuan si Mamat yang muncul tiba-tiba dengan mengenggam parang panjang dan bercakap “memekik-mekik” itu kena pada sasarannya walaupun mencetuskan lucu yang terbawa-bawa. Jauh lebih berhasil adalah kelucuan halus dan lembut yang terlahir oleh kerana watak Cik Puan. Sikapnya sangat sederhana, dan beliau kerap mentafsirkan percakapan suaminya secara literal, dan oleh kerana itu melahirkan satu situasi klasik dalam tradisi kelucuan:

Pegawai: ...Yang saya naik radang itu, masing-masing [dalam parlimen] nak hentam orang lain sahaja. Pandai cakap saja.

Cik Puan: Ah, memang itu kerja wakil rakyat itu. Parlimen kan tempat untuk bercakap. Kalau membisu saja, buat apa duduk di Parlimen.

Pada akhirnya, si Pegawai, yang dalam tempoh satu malam mengalami desakan-desakan yang berturut-turut, jatuh. Sebenarnya, pengakhiran drama ini tidaklah begitu dramatik sungguhpun pengarang mencuba mencipta suatu kesimpulan yang bererti:

Cik Puan: Saya bimbang. Dia tak mahu rehat-rehat. Kerja saja.

Dr. Husin: Inilah penyakit abad dua puluh.

Tidak ada konflik yang ketara dan yang berlanjutan yang dapat mendorong ketegasan serta ketegangan dramatik. Namun, sebahagian besar drama ini *menghidangkan komentar-komentar yang agak tajam mengenai tabiat masyarakat sezaman pengarang, dan gejala inilah yang menjadikan “Tamu di Bukit Kenny” sebuah drama yang penting dalam tradisi drama moden.*



Uda dan Dara

“Uda dan Dara” merupakan satu-satunya drama Melayu yang paling banyak mengalami perubahan dalam proses penciptaan. Pada asalnya cerita pokok drama ini dihasilkan dalam bentuk sajak berjudul “Gadis di Kuburan”, yang mengisahkan seorang dara yang meratapi kematian kekasihnya. Dua tahun kemudian (1956), kisah kematian wira ini digambarkan dalam sebuah cerpen. Kira-kira 14 tahun selepas itu bentuk cerita itu berkembang menjadi sesuatu yang baru; mula-mula sekali sebagai sebuah drama romantik yang ditayangkan di televisyen pada tahun 1970. Kemudian pada tahun 1972, Usman Awang berpadu tenaga dengan seorang penggubah muzik yang berbakat, iaitu Basil Jayatilaka, dan menghasilkan sebuah muzika.

Pada bulan Disember 1972, muzika “Uda dan Dara” itu dipentaskan di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya, selama enam malam berturut-turut. Jumlah penonton yang membeli tiket untuk menyaksikan pementasan itu merupakan jumlah terbesar yang sehingga itu pernah menonton drama Melayu moden.

Demi untuk menjadikan drama itu sebuah teater yang bertena-ga, persembahan yang dianjurkan oleh Gema Seni telah melakukan beberapa perubahan. Pada tahun 1976, drama itu dibukukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan daripada hasilnya nyatalah sekali Usman telah mengambil peluang penerbitan itu untuk mengubahnya lagi supaya menjadi sebati dengan keperibadiannya.

Salah satu hasil proses penciptaan yang berpanjangan ialah satu pernyataan yang paling tegas dibuat oleh Usman mengenai cita-cita unggulnya. Pernyataan ini diabadikan menerusi perdebatan orang kampung yang huru-hara setelah Uda cedera parah dan musuhnya, Alang Bakhil, ditangkap. Pertentangan hebat ini melibatkan dua pihak, golongan muda dipimpin oleh Malim, sahabat karib Uda, dan golongan tua yang diketuai oleh Pak Long. Utih, watak aneh yang berpaut kepada alam dan yang melambangkan kebebasan diri, menyebelahi golongan muda menuntut perubahan asas dalam sistem masyarakat.

Perkara utama yang dibicarakan ialah corak peraturan yang harus diubah untuk menghapuskan penindasan. Walaupun Pak Long dan rakan-rakannya puas dengan penangkapan Alang Bakhil sebagai menunaikan dendam ke atas kematian Uda, Malim dan pengikut-pengikutnya melahirkan sikap dan perasaan yang berbeza.



Bagi mereka, Alang Bakhil hanya mewakili sistem penindasan, dan kehilangannya pasti akan digantikan dengan wakil yang lain. Tegasnya, golongan muda mahu menghapuskan kemiskinan dengan mengubah corak masyarakat yang sedia ada, dan mewujudkan masyarakat baru yang benar-benar adil. Jika terpaksa, mereka akan melawan sesiapa sahaja untuk mencapai cita-cita mereka. Golongan tua pula membantah kerana mereka ingin membela adat dan/ataupun kerana mereka lebih rela menyerahkan segala-galanya kepada takdir Tuhan.

Kebuntuan yang dihadapi oleh kedua-dua pihak itu dipecahkan dengan ketibaan Pak Guru. Guru silat yang amat dihormati itu telah menjelaskan bahawa dengan pembunuhan Uda, batas kesabaran mereka sudah sampai kepada puncaknya. Akhirnya, golongan tua dan muda pun berpadu tenaga setelah mendengar kata-kata nasihat yang membangkitkan semangat berjuang.

Psikologi tradisional dan moden yang telah digambarkan oleh tema ini telah pun dicerminkan dalam bentuk dan gaya drama. Jiwa moden ditandai oleh struktur drama yang “linear”, dan sebelum babak perdebatan itu berlaku, “Uda dan Dara” sebahagian besarnya mematuhi corak muzika Barat. Kisah cinta “Uda dan Dara” yang romantik tetapi tragis itu dibangkitkan melalui dialog, sajak, lagu dan tarian, yang dipadukan untuk mengembangkan perjalanan cerita, di samping menghibur pembaca/penonton. Suasana kampung yang diwujudkan, terutama kebiasaan waktu senja, dan keriangian waktu mengemping, memperdayakan si penerima untuk merindui dunia yang sedang lenyap. Dengan munculnya bahagian perdebatan, drama ini keluar dari kaca mata dan konteks muzika. Besar kemungkinan Usman meninggalkan alam muzika memasuki lingkungan debat oleh kerana beliau ingin membentangkan pemikiran tentang betapa penting dan mendesaknya usaha membasmi kemiskinan. Akibatnya, muncul dua gaya yang berbeza yang tidak selalu dapat diselaraskan untuk mencapai harmoni.

Naluri tradisional Usman dicerminkan juga oleh sajak-sajak yang menguasai bahagian pertama drama itu; setengah sajak ini dibentuk sebagai lagu oleh Basil Jayatilaka. Pantun, seloka, gurindam, dan rangkap tanpa irama, yang banyak sekali digunakan dalam drama ini, menggambarkan jiwa pengarang yang berpaut kepada tradisi. Tradisi rakyat yang ideal juga digambarkan oleh Usman dengan membentuk suasana kampung yang damai, harmonis dan bergotong-royong. Beliau cuba mewujudkan watak-watak tradisio-



nal menerusi bahasa yang coraknya berbelit-belit dan nadanya lembut. Perkara ini digambarkan dalam satu adegan yang paling berkesan. Semasa orang kampung beria-ria meraikan waktu mengemping, ibu Dara seakan-akan menolak pinangan ibu Uda, satu peristiwa yang membayangkan tragedi yang akan datang itu:

Ibu Dara: Si Dara ini banyak orang sudah merisik....

Ibu Uda: Tinggi benar bunga di jambangan.

Ibu Dara: Tinggi bukanlah tinggi, cuma tangan yang tak sampai.

Kesimpulannya, “Uda dan Dara” terapung-apung antara bentuk dan gaya tradisional dengan moden, dan antara sebuah muzika dan satu perdebatan yang semata-mata bergantung kepada dialog. Semua cita-cita Usman mengenai drama ini tidak tercapai (perdebatan itu sebenarnya terlalu panjang lebar dan kadangkala terdesak untuk menyampaikan perutusan dan sambil itu, terbiarlah kehendak-kehendak dramatik), namun drama yang popular ini membayangkan satu arah baru dalam penciptaan drama Usman. Malangnya, sehingga kini beliau tidak dapat memastikan ke arah mana yang ingin ditujunya.



CEREKA

DARI sejak beliau mulai menulis dalam tahun 1948 hingga kini Usman Awang telah menghasilkan sebuah novel dan lebih dari seratus buah cerpen. Dari cerpennya yang pertama bertajuk "Surat Norliah Terakhir" (*Utusan Zaman*, April 1948) sehingga cerpennya terbaru "Rimbaku, Air Mataku" (*Dewan Sastera*, November 1980) dari mesin taipnya terus mengalir cerpen. Beliau paling giat menulis cerpen dalam tahun 1954 apabila beliau menghasilkan 20 buah cerpen. Mulai tahun 1960 kegiatannya menurun, terbit hanya sebuah atau dua buah cerpennya setahun dan ada beberapa tahun beliau tidak menulis sama sekali.

Diukur dari segi jumlah penghasilan Usman dalam bidang cereka boleh dikatakan besar, tetapi beliau tidak pernah dikenal sebagai penulis cereka. Ini ialah kerana pencapaiannya dalam bidang-bidang kesusasteraan yang lain seperti puisi dan drama jauh mengatasi pencapaiannya dalam bidang cereka.

Membaca cerpen-cerpen Usman secara kronologi dengan mudah memberikan kita gambaran perkembangan daya kreatifnya. Seperti penulis-penulis muda lainnya beliau memulai karyanya dengan menulis kisah muda remaja; tentang anak muda yang baru belajar mengenal cinta dan mengalami patah hati seperti "Peristiwa Bunga Telur" (1949) dan "Berhari Raya ke Rumah Tunang" (1949). Begitupun dalam tulisan-tulisannya seawal ini sudah terlihat penglibatannya dengan masalah sosial, misalnya dalam "Peristiwa Bunga Telur" beliau mengulas tentang pandangan rendah masyarakat pada zaman itu terhadap seniwati. Cerpen-cerpen ini sederhana sekali bentuknya, agak sentimental dan hanya merupakan kenangan pahit manis penulisnya terhadap zaman mudanya.

Dalam tahap perkembangan berikutnya Usman lebih banyak



membuat percubaan dengan bentuk. Selain memperkemas struktur cerpennya, beliau juga mencuba dengan bentuk surat, seperti dalam “Untuk Jadi Isteri Orang Bangsawan” (1950) dan “Surat dari Seorang Mata-mata” (1950). Jika yang pertama dibuat secara langsung, yang kedua diselang-selikan dengan ulasan penulisnya. Dengan cerpen-cerpennya, “Menonton” (1952), “Pilihanraya” (1952), “Sepintas Lalu dalam Bas” (1955) dan “Dari Johor Baharu ke Kota Tinggi” (1956), Usman memulakan bentuk cerpen yang longgar plotnya dan tidak menumpukan kepada watak-watak utama tertentu. Bentuk ini lebih dikenal sebagai “sketsa”. Dalam cerpen-cerpen seperti itu Usman melukiskan keadaan dan pelbagai ragam gelagat manusia tanpa membuat banyak ulasan. Begitupun sikap dan pandangan beliau agak jelas sekali dari cara lukisan itu dibuat, pemilihan kata, dan mimik-mimik tutur watak-wataknya. Di sini Usman memperlihatkan sifatnya sebagai seorang pemerhati dan penyindir yang tajam. Beliau tidak mengatakannya tetapi kita seolah-olah dapat mendengar beliau berkata, “Beginilah ragam dunia, beginilah telatah manusia.” Lukisan-lukisan seperti ini mengingatkan kita kepada Idrus dan Pramodya Ananta Toer tetapi Usman tidak sekasar mereka berdua itu. Usman masih dapat mempertahankan kehalusannya walaupun menyindir dengan pahit. Sebagai contoh, berikut dari “Pilihanraya”:

Malam itu Pak Said kurang mendapat tidur. Angan-angan dan jalan fikiran panjang merewang-rewang. Dalam hatinya sudah dibayangkannya betapa cantiknya dan indahnya kampungnya kelak. Semua rumah ada paip air, ada api elektrik, longkang yang bersih dan di bandar pula ada taman bunga dan tempat peranginan, kelab orang ramai dan lain-lain.

Keadaan hidup yang serupa ini telah lama menjadi kandungan jiwa Pak Said. Dan pada fikirannya — tak lama lagi ia akan merasakan nikmat hidup yang diangan-angankan dan dicita-citakan sejak dulu lagi, sejak rambut di kepalanya masih belum bercampur warna putih seperti sekarang ini.

Dengan cerpen-cerpen seperti “Matinya Seorang Perempuan” (*Devan Bahasa*, Jun 1959) dan “Sebuah Khemah Didirikan” (*Degup Jantung*, hlm. 163) Usman sampai kepada puncak kegiatannya dalam bidang penulisan cerpen. Pada cerpen-cerpen ini sudah terlihat bentuk yang lengkap, ada perkembangan cerita, tidak lagi semata-mata lukisan atau corat-corek peristiwa yang dihubungkan secara longgar. Watak-wataknya agak lebih bundar dan wajar sebagai individu. Kita melihat bukan sahaja segi-segi badaniah dan



gerak-laku mereka tetapi juga pertentangan-pertentangan batin yang mendorong menggerakkan peristiwa. Barangkali pada “Matinya Seorang Perempuan” kita dapat meragukan sudut pandangan yang dipilih. Anak itu terasa lebih dewasa dari umurnya (sungguhpun ini tidak begitu jelas) dan dari sejak awal lagi sudah terlihat hubungan yang renggang antaranya dengan ayahnya.

“Sebuah Khemah Didirikan” jauh lebih berhasil sebagai karya sastra. Cerita ini mengisahkan pertentangan di antara pekerja dengan majikannya. Para pekerja melancarkan mogok dalam usaha mendapatkan keadilan dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih baik. Pihak majikan pula mengambil tindakan balas dengan mengisytiharkan mereka yang tidak kembali berkerja akan dibuang kerja. Keadaan sudah menjadi tegang dengan para pekerja terpaksa berundur dari pekarangan pejabat dan mendirikan khemah di luar.

Sungguhpun agak jelas dari jalan cerita dan nadanya di mana terletak simpati pengarang cerpen ini, beliau masih dapat mengendalikan ceritanya dengan matang dan berimbangan. Tidak terdapat kecaman kepada pihak majikan secara melulu atau kutukan kepada penguatkuasa undang-undang.

Pengarang dengan bijak membabakkan peristiwa-peristiwa pemogokan di samping menyorot bawah sedar dari salah seorang pekerja yang kuat mogok itu. Secara babakan digambarkan ucapan yang berapi-api dari pemimpin-pemimpin pemogokan itu dengan tujuan mengukuhkan perpaduan di kalangan para pekerja. Begitupun ada juga ucapan yang tidak meyakinkan melainkan merupakan gendang kosong sahaja. Sebaliknya lamunan watak pekerja tadi memberikan kontras kepada semangat kumpulan yang berapi-api itu. Dalam keadaan bersendirian dan diselubungi kesepian pekerja itu tidak dapat tidak akan berhadapan dengan realiti yang dingin dan tidak begitu menyenangkan. fikirannya melayang kepada bagaimana mogok itu bermula dan kembali kepada persoalan berapa lama lagi mogok itu akan berterusan. Apakah mereka akan dapat terus bertahan? Apakah yang akan terjadi kepadanya dan keluarganya jika mereka tewas? Dia juga digoda oleh keraguan terhadap teman-teman seperjuangannya. Apakah ada di antara mereka yang patah lalu belot atau termakan umpan pihak majikan? Soal-soal seperti ini harus diselesaikan sendiri dan tidak boleh dikongsikan dengan rakan seperjuangan tanpa melemahkan semangat dan perpaduan mereka.

Begitulah pertentangan di antara watak manusia dalam arus ombak perjuangan dengan wataknya dalam belaian kesepian men-



jadikan cerita ini hidup dan menarik di samping turut memberikan sumbangan kepada pengetahuan kita terhadap manusia dalam pelbagai keadaan dan tekanan. Inilah juga puncak kejayaan Usman dalam bidang cerpen.

Darurat merupakan sumber ilham yang tidak pernah kering bagi Usman. Peristiwa dari zaman itu telah melatari dan memberikan persoalan kepada banyak cerpennya, di antaranya “Kami yang Terlibat” (1961), “Selepas 1948” (1957), “Kenangan Jauh” (1956), dan “Dari Johor Baharu ke Kota Tinggi” (1956). Sumber yang sama telah juga mengilhami Usman menulis novel tunggalnya *Tulang-tulang Berserakan* (terbit pertama kali dalam tahun 1966 dan kini sudah diulang cetak 3 kali).

Leman, Majid dan Mamat adalah di antara 40 orang anggota polis yang baru tamat latihan Depot. Mereka dihantar bertugas di Melaka. Selain tugas sehari-hari menjaga keamanan mereka juga diperintahkan memburu pengganas komunis yang menentang kerajaan dengan menggunakan senjata. Dari tugas-tugas ini lahir banyak peristiwa pahit maung yang mereka alami bersama-sama.

Operasi dijalankan dari satu masa ke satu masa dengan mendadak sahaja dan setiap kali diadakan memakan korban dari kedua-dua belah pihak. Keluarga mereka yang berkenaan turut mengalami tekanan kebimbangan menanti akibat dari setiap operasi. Puncak cerita ini terdapat dalam operasi yang terakhir apabila banyak anggota pasukan polis terkorban. Di antaranya ialah teman karib Leman iaitu Majid dan Mamat. Yang lain turut menjadi korban ialah Wak Stop, seorang mata-mata yang sudah tua dan setahun lagi akan bersara. Turut mengalami cedera parah ialah Mahmud yang baharu saja berkahwin dan isterinya dalam bulan pertama hamilnya.

Cerita boleh dikatakan berkembang dengan mendatar sungguhpun terdapat beberapa peristiwa yang mengharukan dan mencemaskan seperti operasi-operasi yang berlaku beberapa kali. Peristiwa-peristiwa ini dilukiskan secara terperinci dalam bahasa yang lincah lagi segar. Bagaimanapun cerita ini terbawa-bawa oleh unsur sensasi dan terasa sekali usaha penulis memancing simpati pembaca dengan membabakkan beberapa peristiwa yang boleh sahaja dibuat secara panorama.

Majid diceritakan telah terbunuh lima hari sebelum melangsungkan perkahwinannya dan jenazahnya dibawa ke kampung pada petang hari terakhir bulan Ramadan dan dikebumikan dalam



kesibukan takbir aidilfitri. Seolah-olah keperihan ini belum mencukupi, Majid, kita diberitahu, adalah anak tunggal yang menjadi kesayangan dan harapan ibunya. Sungguhpun wajar sekali ibunya menjadi separuh nanar dengan kejadian tragis itu, terasa sekali tangan pencipta mengatur peristiwa sedemikian rupa supaya tidak dapat tidak kita akan menarik sapu tangan dari saku.

Jelas watak utama cerita ini adalah Leman, seorang yang lebih pandai dan matang dari yang lain. Dia banyak membaca buku sehingga ada temannya yang menggelarnya profesor. Tidak seperti mata-mata lain yang menjadi temannya, Leman dapat memahami apa yang berlaku dan menempatkannya ke dalam perspektif yang benar. Maka itu pantaslah dia menghadapi berbagai konflik dalam dirinya untuk menjalankan tugasnya sebagai mata-mata.

Leman adalah seorang yang peka dan halus. Maka itu dia mudah sekali bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh orang lain seperti juga dia mudah tersinggung dengan apa yang dikatakan oleh orang lain. Dengan itu sukar sekali dia hendak menjalankan tugasnya melaksanakan disiplin. Leman tidak tergamak menangkap penjual air batu yang tidak berlesen di tepi jalan memikirkan penjual itu tidak akan dapat membayar denda dan apa akan terjadi kepada dua orang anak kecilnya kalau-kalau nanti dia dipenjarakan.

Sebagai hasil dari pembacaannya dan perbualannya dengan Cikgu Alimin, Leman mempunyai kesedaran politik yang mendalam. Ini merupakan satu lagi sumber konflik di antara dirinya dengan tugasnya. Dia tidak dapat menerima sebutan perajurit yang terkorban itu "Gugur sebagai bunga bangsa". Gelaran itu mengikut Cikgu Alimin hanya boleh diberikan kepada pejuang-pejuang kemerdekaan. Mereka sebagai mata-mata bukan pejuang kemerdekaan tetapi bertugas mempertahankan kepentingan golongan penjajah. Leman merasa marah apabila dia dan teman-temannya dipanggil "anjing kompeni". Tetapi kesedaran politiknya memberitahunya betapa benarnya panggilan itu. Dia terpaksa turut serta menangkap tokoh-tokoh politik PKMM dan API sedangkan mereka ini adalah pejuang kemerdekaan negerinya dan sebenar-benarnya pahlawan kebangsaan.

Sebagai mata-mata Leman dikehendaki mematuhi banyak peraturan dan disiplin. Di antaranya dia tidak boleh merokok dan minum kopi semasa dalam tugas. Baginya ini semua menghadkan kebebasan peribadinya.

Sebagai seorang yang berperasaan halus Leman mendapati



tugas memburu dan membunuh pengganas komunis suatu beban yang amat berat. Setiap pembunuhan adalah mencabar rasa kemanusiaannya. Malahan dia bersimpati dengan pengganas itu kerana mereka berjuang dengan tabah dan teguh untuk menegakkan suatu ideologi walaupun dia tidak bersetuju dengan ideologi itu:

Kedua pihak sama-sama menghadapi maut. Hanya satu pihak menentang maut kerana memperoleh gaji untuk menyara hidupnya. Manakala satu pihak lain semata-mata kerana keyakinannya, kerana satu cita-cita yang diperjuangkannya menurut perhitungannya.

(Tulang-tulang Berserakan)
Cetakan Ketiga hlm. 255

Malahan dia merasakan teman-temannya yang terkorban itu “mati katak” sahaja kerana mereka menjadi orang-orang upahan untuk menegakkan penjajahan di negerinya sendiri. Baginya yang menyedihkan ialah teman-temannya itu tidak tahu apa yang mereka lakukan dan untuk siapa mereka menyabung nyawa.

Semua konflik ini berkecamuk dalam diri Leman sehingga pada akhirnya dia membuat keputusan, dengan bantuan Cikgu Alimin sudah tentunya, untuk berhenti menjadi mata-mata. Oleh kerana dia pandai mengarang dan Cikgu Alimin punya kawan di Melayu Raya maka terbukalah peluang baginya untuk menamatkan perkhidmatannya dengan pasukan angkatan bersenjata. Dia bukan sahaja tidak perlu menyabung nyawa tetapi akan bebas dari banyak penderitaan batin akibat dari pertentangan-pertentangan yang dialaminya. Akhirnya dia mengucapkan selamat tinggal kepada Melaka dan kepada angkatan bersenjata.

Walaupun pertentangan-pertentangan ini wajar di dalam diri Leman, kita tidak berhasil menghayati sepenuhnya dalam cerita ini. Ini ialah kerana pengarang tidak mengolah dan menampilkannya ke muka. Kita hanya dapat menangkapnya dalam beberapa kilas sahaja kerana aspek ini telah ditenggelamkan oleh peristiwa-peristiwa sedih dan menyayat hati yang mendapat sorotan istimewa dalam novel ini.

Dari segi lain juga novel ini menarik. Bukan sahaja ceritanya berlatarkan peristiwa yang benar-benar berlaku dalam sejarah tetapi terdapat pula tokoh-tokoh yang dikenali dalam sejarah. Watak Leman mendekati watak Usman Awang sendiri. Novel ini memungkinkan kita menjenguk ke dalam satu babak kehidupan Usman Awang.



Dari karya berbentuk cereka dapat kita lihat sifat-sifat Usman Awang sebagai sasterawan. Sebagai seorang yang berperasaan halus beliau mudah terusik oleh keadaan yang tidak menyenangkan, kekerasan, peperangan, ketidakadilan, kepincangan, penipuan dan penindasan. Itu semua menjadi dasar dan tema cerita-ceritanya. Cerita-cerita mengenai perbezaan darjat dan kelas diulangi berkali-kali dalam cerekanya dan dalam bentuk-bentuk kesusasteraan yang lainnya. Dalam cerpen, kita dapat mengesan tema ini dalam "Untuk Jadi Isteri Orang Bangsawan", "Haslina", "Matinya Seorang Perempuan" dan "Uda dan Dara".

Bagi Usman walaupun latar dan wataknya adalah setempat, tema ini bercorak universal dan tidak mengenal sempadan seperti katanya:

.... seorang penulis tidak melihat batas sempadan benua. Tidak terikat pada warna kulit dan keturunan bangsa kerana tangis seorang anak di Sungai Kelang adalah juga tangis seorang anak di Sungai Mekong. Air mata seorang ibu di Kuala Terengganu adalah juga air mata seorang ibu di belantara Afrika.

(Sikap dan Pemikiran Usman Awang, hlm. 24)

Keistimewaan Usman adalah pada gaya bahasanya. Bukan sahaja beliau berhasil mengukir satu gaya yang tersendiri dan menjadi ikutan banyak penulis lain, beliau selalu dapat melukiskan suasana dengan hidup dan segar. Ini semua dilakukan dengan tidak merosak struktur bahasa Melayu asli malahan memperkaya dan mempertahankan tradisi itu. Misalnya:

Ia dapat membayangkan orang-orang yang berceratak anguk di atas bumbung keretapi itu

Batang-batang kayu menjelma sebagai kaki-kaki raksasa yang hitam dan tubuh-tubuh manusia pasukan hutan itu berceratak seperti tunggul-tunggul yang berbalam.

Sayup-sayup kentung berbunyi di bawah cahaya lembayung. Gemanya jauh mengepak di sayap angin menyampaikan khabar waktu terbuka puasa.

(Tulang-tulang Berserakan)

Apabila membuat lukisan Usman selalu menggunakan gaya bahasa yang berbunga berserta dengan lenggang-lenggoknya sekali. Ada yang berpendapat bahasa seperti ini tidak sesuai lagi dengan karya prosa. Tetapi apabila digunakan dengan hati-hati dan pada tempat yang sesuai ternyata berkesan sekali. Sebagai contoh:

Dirinya seolah-olah tidak ada kerana telah cair dan mengalir dalam



suatu persatuan tenaga yang besar, seperti anak sungai yang bersatu dengan lautan luas terbentang.

Dengkur dari kawan-kawannya saling bersentuhan mendatar dalam semacam bunyi dan cair dalam lembab malam.

Peristiwa itu mengendap-ngendap di kepalanya, dan pelan-pelan menjengulkan wajahnya.

Matahari yang tergantung di dada langit disapu awan dan redup menyusup dalam bayang yang panjang.

(Sebuah Khemah Didirikan)

Kesayuan mulai meniti di tangkai hatinya.

Angin laut Selat Melaka menyerbu dengan kesejukan yang menggigit.

Dan angin laut Selat Melaka yang menyaksikan segenap peristiwa mengusapi perlahan wajah-wajah yang malang itu menyebarkan dengan kudratnya yang selalu ada untuk manusia.

(*Tulang-tulang Berserakan*)

Walaupun dalam cereka yang bercorak realistik Usman masih mempertahankan tradisi sopan santun klasik. Terasa kepada kita seolah-olah sukar sekali bagi beliau berlaku kasar atau tidak sopan. Contoh-contoh berikut barangkali dapat menjelaskan ini:

Wajahnya masih garing oleh kebakaran matahari selama sembilan bulan berjemur dengan dada telanjang di padang perbarisan itu menahan gelombang dadanya.

Demikian kehidupan ini berlangsung terus, hari demi hari gugur dalam kemasakan waktu dan maut dan kematian dan kehancuran dan kemusnahan hati dan kasih sayang berserakan menjadi tulang-tulang sejarah....

Ia sudah tidak merasakan segala sikap dan perbuatan itu kerana ia telah mencapai puncak hidup yang diyakininya dengan sepenuh hati.

(*Tulang-tulang Berserakan*)

Hendaklah engkau ketahui bahawa kaki masyarakat kita ini pincang kerana setengah pihak seperti aku ini memang merayap-rayap sahaja di bumi Allah dan ada setengah pihak lagi terbang melayang-layang di angkasa dengan sebeb-bebasnya mengikut kehendak dan kemahuannya.

(*Ingin Menjadi Isteri Orang Bangsawan*)

Bahasa Melayu kaya dengan sindiran dan ungkapan-ungkapan yang nakal. Kadangkala kita bertemu dengan ungkapan-ungkapan ini dalam karya Usman:

Telinganya yang kecil seperti telinga tikus itu bergerak-gerak sedikit.



Matanya menyelongkari wajah, dada dan seluruh tubuh yang subur itu dengan perasaan bergelora.

Ia melihat seekor pacat sedang enak mengepam darah dari uratnya dan dimasukkan ke perutnya sendiri seperti tuan doktor sedang bekerja mengambil darah dari sebuah lengan.

(Tulang-tulang Berserakan)

Rambutnya disanggul lebah, terletak sebagai tak sengaja di pangkal tengkuk yang putih melepak tempat orang Arab itu melemparkan matanya.

(Menonton)

Dalam banyak tulisannya Usman menekankan penglibatan sastera dengan masyarakatnya seperti yang diutarakan oleh semboyan “seni untuk masyarakat” yang terkenal itu. Tetapi Usman tidak berhenti di situ sahaja seperti terlihat dalam usahanya mencari bentuk yang sesuai untuk menyampaikan amanatnya. Beliau juga terlibat dengan seninya, seperti katanya:

Bagi saya, seni adalah untuk seni dan untuk masyarakat. Maksud saya: seni adalah sumbangan seniman dalam memperbaiki masyarakatnya, tetapi untuk berjaya dalam hal ini seni itu haruslah untuk seni, dalam erti kata, ia bermutu seni dan mempunyai keindahan, kerana hanya menerusi keindahan itu anggota-anggota masyarakat akan mengalami keharuan yang membawa kesedaran.

(Sikap dan Pemikiran Usman Awang, hlm. 129)



ESEI

USMAN AWANG pada dasarnya adalah penyair dan seorang penyair yang beramanat pula, malah seni dan amanat tidak pernah dapat dipisahkan dari dirinya. Dari segi ini karangan-karangan prosanya yang non-kreatif menjadi penting, bukan sebagai esei yang berseni tinggi dan berfilsafat mendalam tetapi sebagai pernyataan yang literal tentang reaksinya terhadap dunia di sekeliling, tentang sikap hidup dan kepercayaan dirinya, terutama dalam hubungan dengan bahasa dan sastera. Usman memang banyak sekali menulis esei; ini lantaran tugasnya yang berpanjangan sebagai wartawan dan pengarang majalah. Menurut senarai yang telah terkumpul setakat ini 156 buah esainya telah tersiar. Sebuah kumpulan pilihan dari senarai itu mengandungi 44 esei telah dicetak semula di dalam buku *Sikap dan Pemikiran Usman Awang (SPUA)*.

Apa yang diistilahkan sebagai “esei” di sini merangkumi segala macam tulisan prosa bukan cereka yang mengisi ruangan akhbar dan majalah, ruangan radio, kertas kerja, ucapan-ucapan dalam majlis ceramah, forum dan bengkel. Dan esei-esei itu tertulis dalam jarak masa 30 tahun - taraf kesenian dan pemikiran tulisannya tentulah amat banyak ragamnya. Tetapi apabila dilihat semua tulisan-tulisan esei Usman ini sebagai satu kesatuan, amatlah ketara konsistensinya kerana corak dan cara perjuangan Usman sendiri hampir tidak pernah berubah, hanya kematangannya sahaja yang semakin mantap apabila beliau semakin meningkat dewasa.

Esei-esei Usman sedikit sekali yang membicarakan tentang biografinya tentang apa yang menggerakkannya sebagai seorang seniman. Bagaimanapun beberapa cebisan kesan tentang zaman mudanya yang kebetulan dirakamkan di sana sini, terutamanya di dalam ucapannya kepada siswazah sejarah di Universiti Malaya



(1972) amatlah menarik (*SPUA*, hlm. 66). Ketika Asas 50 ditubuhkan beliau berada di Melaka. Masa itu tahun 1950 dan beliau memakai pakaian seragam berkhidmat dalam pasukan polis. Semasa Ikatan Persuratan Melayu ditubuhkan di Melaka, beliau menjadi setiausahanya. Corak pergaulan, inspirasi dan cita-cita awalnya juga cukup menarik; "Pergaulan saya banyak dengan guru-guru yang menjadi penulis dan meminati sastera dan politik....Saya ingin menjadi anggota PKMM dan API....Saya berkenalan dengan seorang guru sekolah Melayu yang saya anggap mempunyai fikiran yang progresif ketika itu. Namanya Mohamad Alimin. Rumahnya menjadi perpustakaan bagi saya, dan tiap kali ke rumahnya saya akan membawa pulang paling tidak sepuluh buah buku Saya membaca beratus-ratus buku dari Indonesia" (*SPUA*, hlm. 71). Beliau mengagumi pemimpin PKMM yang berarak dengan sependuk; "Saya tidak mengerti apa-apa, tetapi hati dan semangat saya diresapi oleh semacam perasaan yang sukar saya gambarkan" (*SPUA*, hlm. 70). Tetapi pengalaman hidupnya yang paling *traumatic*, yang akhirnya menentukan corak kesenian dan kemudian yang akan diperjuangkan selanjutnya ialah pengalamannya semasa beliau menjadi polis dalam zaman darurat. Dengan senjata-senjata moden di tangannya beliau melihat guru, pekedai, pekerja ditangkap, "tanpa pernah tahu untuk apa." Dan beliau serta kawan-kawannya juga melihat mayat dipikul seperti hasil buruan... pondok dan rumah pekebun sayur yang dibakar hangus dan penduduknya sama ada ditangkap atau dipindahkan... kami melihat daerah dan kampung yang dipagar, kami melihat teman-teman kami dalam polis luka dan mati, kami melihat ratap tangis anak isterinya, ibu ayah yang tinggal. Segala ini berkesan di hati saya" (*SPUA*, hlm. 72).

Dalam tahun 1951 Usman meletakkan senapang dan "bersama Jamil Sulong saya ke Singapura menumpang di rumah Jymy Asmara." Senapang digantikan dengan pena, dan bermulalah pergaulan dan perjuangannya dalam dunia sastera. Pengkritik Asraf "menjadi teman rapat saya dan saya menumpang tinggal di bilik Asraf... sekali lagi di bilik Asraf saya menemui buku-buku yang amat banyak, hampir semuanya dari Indonesia." Samad Ismail, seorang tokoh Angkatan 50 yang lain pula "adalah orang yang saya anggap sebagai guru saya dalam pertalian hubungan yang amat rapat" (*SPUA*, hlm. 73).

Asraf dan Samad serta cendekiawan-cendekiawan Melayu di sekitar tahun 1950-anlah yang sebenarnya membentuk dunia sastera



Usman. Dan obsesi Usman adalah pada dasarnya obsesi nasional dengan berlatarbelakangkan perasaan kemanusiaan sejagat. Pengaruh yang mendalam dari sastra Indonesia yang luas dibacanya tidak pernah ketara di dalam esei yang ditulisnya. Juga tidak kelihatan pengaruh langsung dari pemikiran pengarang-pengarang dunia yang sekali sekala disebutnya, tokoh-tokoh seperti Tolstoy, Hemingway dan Lu Hsun. Mengapa demikian terjadi, dari satu segi cukuplah jelas; masyarakat bersastra yang dihadapi oleh Usman dan generasinya jauh berbeza dengan yang terdapat di Barat atau di China, malah di Indonesia. Masyarakat Melayu yang menjadi penunjang kebudayaan berbahasa Melayu dalam zaman itu sedang memasuki era kesedaran baru dalam sastra; dan masyarakat itu rata-ratanya dari kalangan rakyat jelata. Kelas menengahnya belum ketara, malah belum pun mengembang. Peranan sasterawan dalam kadaan itu adalah untuk mengajar dan membimbing mengenai masalah-masalah dasar, menggesa dan menekankan sekuat mungkin soal-soal keyakinan agar perkembangan masyarakat terarah. Cara yang digunakan untuk melakukan itu adalah amat sederhana. Imej-imej yang diajukan lebih banyak hitam-putih, dan diulang bertubi. Ini melanjutkan cara komunikasi rakyat pada zaman tradisi, cara dalang terutamanya. Dan tidak kurang pentingnya, zaman yang dihadapi itu amat bersifat politik dengan slogan-slogan menguasai situasi. Pengertian terhadap latar belakang yang seperti ini penting untuk memahami cara dan cita-cita perjuangan Usman Awang melalui esei-eseinya yang ratusan itu.

Dari sejak awal Usman menulis, beliau membawa nada politik yang kuat. Beliau jelas bukan hanya seorang pembawa amanat, tetapi juga bertindak positif untuk merealisasikan cita-citanya itu, walaupun ini tidaklah bererti yang beliau menggabungkan diri secara langsung dengan parti politik. Usman pernah menulis, "Tidak ada yang tidak politik dalam kehidupan manusia, termasuklah seni. Dalam bidang seni, sasteralah yang paling langsung tertancap ke tengah jantung politik" (*SPUA*, hlm. 77). Pada kesempatan yang lain beliau menjelaskan "... politik memang tidak boleh disamakan dengan sastra. Tetapi sebagai karya seni yang artistik tidak wujud dalam ruang kosong tanpa manusia, sedangkan manusia itu tidak mungkin sama sekali lari dari politik yang telah mengatur segala kehidupannya" (*SPUA*, hlm. 78). Barangkali yang paling ketara di dalam seluruh tulisan esainya ialah konsep dan keyakinannya tentang kesusasteraan. Memang konsep dan keyakinan yang dia-



jukannya itu bukan hak miliknya peribadi, tetapi gagasan umum dari angkatannya. Walaupun begitu Usman adalah propagandisnya yang gigih, dan beliau juga yang paling luas mewujudkan cita-cita melalui karya-karya seni, kadang-kadang dengan amat literal. Konsep kesusasteraan yang ditekankan oleh Usman serta teman seangkatannya merangkumi tiga segi: menentang penjajahan, menegak keadilan dan memupuk persaudaraan manusia.

Penjajahan menjadi sasaran yang paling utama bagi Angkatan 50 dan ini menjelaskan juga mengapa nada politik timbul dengan ketara dalam kegiatan Asas 50. Penjajahan, tulis Usman, adalah sebab “musababnya kemiskinan rakyat, kemunduran dalam bidang pelajaran, penekanan terhadap bahasa dan kebudayaan rakyat.” Dengan itu beliau melihat “Kesusasteraan adalah senjata bagi rakyat menggulingkan penjajahan dan mendorong rakyat maju dan tegak dalam negara yang aman dan makmur” (*SPUA*, hlm. 30). Cita-cita kemerdekaan itu diungkapkan sebagai cita-cita rakyat jelata, kaum pekerja dan petani. Dan kemerdekaan bagi rakyat itu bukan hanya sekadar dari penjajahan, tetapi juga dari tradisi yang mengikat, yang menjadikan rakyat itu “beku dan mati”. Demikianlah Usman berpendirian, adalah menjadi tugasnya dan tugas teman seperjuangannya untuk “menghancurkan-leburkan fikiran-fikiran yang lapuk, yang basi, yang hanya semata-mata menyerah pada nasib dan takdir” (*SPUA*, hlm. 28), serta juga membebaskan rakyat “dari segala belenggu yang merantainya, dari penekanan-penekanan dan dari penindasan yang menindasnya.” Perjuangan yang seperti ini memerlukan sasterawan “terjun ke tengah-tengah masyarakat, ke dalam kehidupan itu sendiri” (*SPUA*, hlm. 99), serta juga tentunya mengambil sikap dan tindakan yang positif untuk menentang segala yang menghalang. Masyarakat rakyat yang dituju ialah yang adil, yang makmur dan yang bahagia.

Usman Awang juga di antara sasterawan yang lantang dan tegas menulis mengenai Asas 50 dan/atau Angkatan 50. Baik dalam esei-eseinya atau ceramah radionya, suara Usman selalunya yakin. Melalui esei nampaknya dia mempertegas kelemahan dan kekuatan Angkatan 50 tanpa berselindung.

Dalam beberapa eseinya, Usman menyorot hampir setiap sudut angkatan tersebut - latar belakang kelahirannya, tanggungjawabnya, kekuatannya, caranya mengekalkan kedudukan dan kesannya kepada dunia sastera dan para sasterawan. Menurut Usman, Asas 50 sebenarnya lahir atau dilahirkan oleh tuntutan masyarakat sendiri.



Dan masyarakat yang melahirkannya ialah masyarakat yang bergolak menentang penjajahan. Ketika itu masyarakat Malaya - khususnya Melayu - sedang dibarai api nasionalisme negara-negara Asia-Afrika.

Ketika ditubuhkan pada 6 Ogos 1950, Asas 50 didukung oleh penulis-penulis muda di bawah 30 tahun. Benar mereka mempunyai semangat dan kesedaran, tetapi pengalaman dan teknik penulisan masih muda. Malah Usman mengakui bahawa ahli-ahli Asas 50 ini “tidak punya pengertian luas dan sihat terhadap sebab dan punca segala kejelikan dalam masyarakat” (*SPUA*, hlm. 43). Bukan sekadar itu sahaja, landasan awal Asas 50 belum cukup kukuh atau tegas. Tidak disebutkan secara tegas konsep atau tujuan kesusasteraannya. Menurut Usman: “Hanya dalam tujuannya yang ketiga ada sedikit perciuman rasa tentang keinginan pembaruan.” Itu pun disebutkan hampir secara bersahaja: “Mengadakan pembaruan di dalam sastera dengan tidak membunuh yang lama” (*SPUA*, hlm. 68).

Usman dan teman-temannya tidak puas hati dengan landasan lemah dan samar-samar itu. Mereka menginginkan sesuatu yang positif, yang lebih dinamik. Dalam sebuah esainya Usman menyatakan perlunya ditimbulkan suatu keadaan baru dalam masyarakat. Ramai yang tidak tahu atau tidak sedar tentang kesusasteraan. Masyarakat tidak mengerti hakikat seni yang sebenar, dan inilah yang perlu diperjuangkan - disebarkan oleh Angkatan 50.

Menurut Usman tanpa persediaan itu payah sasterawan dapat berakar atau berpengaruh di tengah rakyat. Malah katanya, “Kita hanya dapat menginsafkan rakyat tentang nasibnya kalau kita sendiri telah jelas dan terang mengenai sebab-musababnya maka rakyat menanggung nasib yang demikian rupa jeliknya” (*SPUA*, hlm. 43).

Sesudah tertubuh dan sesudah bergiat, Usman juga adalah di antara mereka yang banyak memberikan perhatian kepada prestasi Angkatan 50. Dengan caranya sendiri, di samping mengakui dan menegur kelembapan Angkatan 50, Usman juga turut menambahkan jalur matlamat yang perlu dicapai oleh angkatannya. Dia menyedari angkatannya itu lahir ketika negaranya sedang krisis. Tetapi inilah sepatutnya lebih mendesak atau menuntut Angkatan 50 supaya lebih waja.

Banyak tugas atau tanggungjawab penting Angkatan 50 dalam masa krisis itu. Perhitungan tentang ekonomi masyarakat perlu dikaji oleh Angkatan 50. Tidak memadai dengan hanya mempunyai



novel *Korban Kesuciannya* dan *Rumah Itu Dunia Aku*. Tidak juga memadai dengan cerpen-cerpen “Orang-orang Sial” dan “Kucing Hitam” atau sajak “Seribu Harapan”.

Usman turut mengajak angkatan muda menghancurkan fikir-fikiran lapuk dan basi. Dia tidak mahu rakyat dibiarkan semata-mata berserah kepada nasib dan takdir. Usman mendesak penulis angkatannya supaya bersungguh-sungguh mengikis tahyul yang mencengkam rakyat. Angkatan 50, sebaliknya, perlu berusaha “mengisi fikir-fikiran yang tegas, yang tepat, yang kuat dan kukuh” ke hati rakyat (*SPUA*, hlm. 27). Lebih dari itu, “Kita Angkatan 50 tidak mesti hanya sanggup menulis, tapi juga harus sanggup membuat apa yang kita tulis menurut ukuran-ukuran yang tertentu” (*SPUA*, hlm. 34).

Usman sebenarnya jarang puas dengan prestasi angkatannya. Beliau rajin mengesani kegiatan angkatannya itu, dan setiap kali terbayang kelembapan beliau akan bersuara. Usman akan sentiasa bertanya mengapa penulis-penulis angkatannya lemah, mengapa hilang tema tentang kerakyatan dalam karya-karya mereka. Dan Usman paling kecewa pada tahun 1955, sebab ia adalah “tahun paling malap, seakan lumpuh, pada sejarah Asas 50 sebagai satu organisasi” (*SPUA*, hlm. 75).

Dalam satu esainya, Usman menyatakan bahawa amat sayang istilah Angkatan 50 itu hanya terbatas pada kaum sasterawan. Gerakan itu pasti akan lebih besar, berpengaruh dan berkesan jika ia meliputi golongan penyanyi, pelakon, pelukis dan lain-lain lagi (sesuatu yang diperjuangkannya sendiri pada tahun-tahun 1960-an).

Betapapun, secara keseluruhan Usman bangga dengan sumbangan angkatannya. Selama sepuluh tahun cita-cita kerakyatan Asas 50 dikembangkan melalui *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Dan cita-cita ini, menurut Usman, secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi para sasterawan tanahair.

Usman mengakui bahawa keadaan politik dan pergolakan masyarakat memberi cabaran kepada Angkatan 50. Dalam masa itu berlaku beberapa peristiwa besar dan bersejarah seperti gugatan kaum buruh melalui kesatuan sekerja, penekanan Undang-undang Darurat oleh British dan keadaan-keadaan genting lainnya. Segala ini dialiratkan dalam karya-karya mereka. Tetapi tenaga terkuat Angkatan 50 di waktu itu ialah sokongan dari media massa secara tidak berbelah bahagi. Hampir semua akhbar dan majalah Melayu menentang penjajahan dan penindasan. Apalagi memang beberapa



orang dari anggota Asas 50 berpengaruh dalam penerbitan *Utusan Melayu*.

Dan tanpa berselindung Usman pernah menulis "... Kami melakukan penapisan dan penyaringan berdasarkan karangan yang berguna untuk pembaca, untuk rakyat umum, berdasarkan karangan yang sesuai dengan cita-cita kemerdekaan, cita-cita kaum pekerja dan petani. Dengan demikian jika ada karangan yang bertentangan dengan kepentingan cita-cita kemerdekaan, yang memuja-muja pemerintahan dan nilai-nilai keBritishan, yang mendewadewakan yang berpangkat dan berdarjat, yang mendabik dada orang-orang terpelajar, yang mencemuhkan rakyat, betapapun baik karangan itu dari siapa pun, ia akan ditolak" (*SPUA*, hlm. 74).

Pengaruh Usman Awang di kalangan penulis-penulis muda sungguh besar. Oleh ketokohnya, Usman sering diundang ke bengkel, seminar dan ceramah sastera. Dan dalam bengkel-bengkel begitu biasanya Usman lebih gemar sama-sama belajar daripada mengajar. Sering diingatkannya bahawa perbincangan dalam bengkel dan seminar hanyalah bahan sampingan, bukan dasar yang konkrit.

Selalu disarankannya supaya penulis-penulis muda rajin belajar dan rajin membandingkan ungkapan, ukiran bahasa dan gaya penulis-penulis lain. Usman menggalakkan mereka sering berlatih untuk dapat meresapkan rasa dari bahasa, kesan sebuah kata, nadanya, lenggang dan rentaknya. Disedarkannya juga bahawa pemilihan kata, pembentukan ayat dan nada amat penting dalam gaya bahasa.

Kiasan dan perbandingan segar dan asli juga penting. Khusus tentang watak, Usman mengingatkan bahawa setiap orang menggunakan gaya bahasa sendiri. Sebab, dialog seorang buruh berbeza dari dialog seorang profesor; dialog seorang petani berbeza pula dari dialog seorang pegawai.

Usman juga berpendapat seorang penulis mestilah seorang pemikir yang kritis terhadap semua hal. Penulis perlu sering ingin tahu dan sering sedia menangkap kejadian-kejadian yang bererti, khususnya keadaan dan masalah politik-ekonomi-sosial.

Dalam ceramah di bengkel-bengkel itu, para penulis muda juga diberitahu tentang pentingnya pancaran emosi bagi membentuk sebuah seni, asalkan jangan berlebih-lebihan. Penyair yang baik, menurut Usman, mahir menggunakan bahasa yang indah, tepat dan segar. Betapapun, akhirnya, masing-masing penyair masih terpaksa



melalui jalannya sendiri. Panduan, pandangan dan cadangan tadi hanya menambah asas pertimbangannya sahaja.

Dalam bengkel juga, Usman gemar membimbing secara berkias. Tidak mungkin padi bertumbuh baik, kiasnya, jika sawah tidak dibajak sehingga lumpurnya teradun. Begitu juga, jagung tidak mungkin ditanam jika tanah tidak ditugal. Puisi pun begitu - ia lahir dari ketekunan dan pemupukan yang berterusan.

Tetapi lebih dari segalanya, Usman Awang senantiasa cuba mempertahankan identiti sastera Melayu. Dan bila berkurang atau tiada identiti ini, cepatlah Usman bertanya: Di manakah tertinggalnya pukat dan payang, ombak dan laut? Di manakah petani, dan di mana pula tertinggalnya banjir dan hujan, angin dan tengkujuh?

Usman tidak menggalakkan eksperimen yang melampau-lampau dalam pengucapan seni, lebih-lebih lagi eksperimen yang sengaja dilakukan untuk hanya berbeza dari orang lain. Pada hematnya, eksperimen begitu boleh memisahkan sesuatu karya seni dari masyarakatnya. Itulah sebabnya dia tidak begitu gemar mencipta puisi simbolis, kecuali bila keadaan benar-benar memaksa. Sebaliknya, Usman mengajukan pantun sebagai dasar bagi sajak moden, sebab pantun adalah pernyataan rasa secara halus dan indah - baik rasa hati yang kasih, rindu, kecewa, bahagia atau hampa. Pantun juga, pada hematnya, boleh menguji kecerdasan dan ketangkasan mereka yang berpantun. Malah Usman memang mengkagumi dan menghormati pujangga lama yang dipanggilnya pengarang tak bernama. Pantun dari pujangga lama itu berpengaruh dari mulut ke mulut melalui dendang ibu kepada anaknya, bisik teruna kepada kekasihnya, jadi kias dalam upacara meminang, pembuka dan penutup majlis. Oleh keistimewaan ini, Usman malah menganjurkan supaya "pujangga tak bernama" (*SPUA*, hlm. 177) itu dihargai dan dihormati melalui Bulan Pantun setiap tahun.

Baik dalam bengkel mahupun di luar, Usman juga sering menjelaskan kesamaran tentang bakat dan ilham. Dalam esainya disebutkan bahawa dia tidak sepenuhnya bergantung pada bakat, malah mentafsirkan bakat sebagai kecenderungan. Pengertian bakat, menurutnya, banyak bergantung kepada kehalusan budi, ketajaman perasaan dan keindahan rasa. Sementara ilham pula adalah suatu lintasan fikiran mengejut kerana melihat, mendengar, merasa dan membaca sesuatu. Lebih jelas lagi ilham bagi Usman ialah sesuatu yang dilihat dalam penghidupan - peminta sedekah, anak terbiar, buruh tertindas, petani dan nelayan derita dan gerakan



menuntut kemerdekaan. Katanya, ilham mempersegar hasrat penulis untuk mencipta. Khusus dalam sajak, pada hematnya, karya yang berhasil bergantung pada keahlian penyair memadukan antara isi dengan bentuk, antara kemajuan teknik dengan kepadatan isi. Dan isi yang baik pula ialah yang benar-benar mampu mencerminkan kehidupan dan keadaan masyarakat dan tentang dunia umum dengan segala persoalannya.

Dalam hubungan ini ternyata bagi Usman bahawa yang paling penting bagi penulis ialah melibatkan diri dengan masalah-masalah dan persoalan masyarakat dan zaman. Apalagi, Usman berpendirian bahawa sejarah memberi kepercayaan dan tugas kepada sasterawan untuk menjadi peneroka yang turut membina jalan sejarah, menjadi pentafsir zaman, menjadi pengkritik sosial yang tajam, di samping menjadi penyumbang kebudayaan. Esei-esei Usman Awang merupakan dokumentasi penting dari perjuangan angkatannya malah beliau dapat dianggap sebagai pembicara Angkatan 50 yang penting, walaupun ini tidaklah bermakna yang beliau sendiri pencipta atau penafsir cita-cita angkatannya itu. Tetapi melalui pergaulannya yang luas, dan lebih-lebih lagi melalui perwatakannya yang lembut dan memikat - bagi seniman-seniman muda terutamanya - beliau telah dapat menyebarkan konsep dan gagasan, yang kalau tanpa dukungannya akan tetap menjadi terbatas.

Perwatakan dan aura peribadinya turut memperluas pengaruhnya dan menjadikan beliau seorang penulis yang sering dijemput, didatangi dan dipinta fikirannya. Sering ada yang sedia untuk diucapkannya kerana dari tahun-tahun 1950-an sehingga sekarang, pendirian, pegangan dan matlamat seninya begitu konsisten. Perwatakan lembutnya itu juga terpancar dalam kritik balasnya terhadap orang lain. Balasnya selalu beralas berkias sehingga yang mengkritiknya jarang merasa terluka atau terusik, malah ingin pula terus mendekatinya.

Dengan tema kerakyatan, kejelasan sikap, kesederhanaan gaya, keindahan bahasa dan kelembutan watak, Usman menjadi mudah dan cepat sampai, didengari dan dimengerti oleh semua lapisan pembaca. Usman memang seorang seniman yang gigih, idealismenya tidak pernah pudar, dan keyakinan terhadap perjuangan angkatannya seolah-olah tidak luntur buat sepanjang tiga dekad - dan ini selalu pula terbayang jelas dalam daya kreatifnya sendiri. Cita-cita sastera Angkatan 50 sebenarnya diselubungi kuat oleh jiwa yang idealistik dan romantik, dikuasai oleh kata-kata muluk dan slogan-



slogan. Gejala itu tentulah amat memikat dalam tahun 1950-an dan awal 1960-an di dalam arus kebangkitan rakyat yang baru sedar akan kemungkinan dirinya, termasuk kemungkinan bahasanya. Tetapi hakikat yang dalam tahun 1980-an pun suara Usman itu masih terasa cukup relevan. Ini tentulah sesuatu yang luar biasa yang telah dicapai oleh Usman dan angkatannya.



USMAN AWANG DALAM TERJEMAHAN

PUISI Melayu moden kini mula memasuki zaman antarabangsanya apabila karya-karya penulis kita diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Cina, Rusia, Perancis, Itali, Jepun dan lain-lainnya. Dalam hal ini pun Usman Awang merupakan seorang pelopor. Dari antara karya-karya Malaysia, karya-karya Usmanlah, terutama puisinya, yang paling banyak tersebar, dalam terjemahan tidak kurang dari sebelas bahasa asing, dan pastilah jumlah ini akan terus meningkat di masa yang akan datang. Idea dan bentuk seni karya-karyanya telah mengalir lewat terjemahan ke bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Korea, Rusia, Itali, Thai, Tamil, Perancis, Denmark dan Czechoslovakia. Terjemahan karya-karya beliau telah dan sedang membentuk imej kesusasteraan Malaysia di luar negeri, dan pembentuk imej yang baik kita hargai sewajarnya.

Dalam awal tahun 1960-an, puisi dan cerpen Usman Awang telah dialihbahasakan ke dalam bahasa Cina. Puisinya yang telah diterjemahkan ialah "Pemuda dan Gadis Tionghua", "Jiwa Ham-ba", "Kasih dan Rindu", "Bunga Popi" dan "Politik"; dua buah cerpennya yang boleh dibaca dalam bahasa Cina ialah "Matinya Seorang Perempuan" dan "Kami yang Terlibat". Sebagai seorang penyair puisi-puisi beliau sering dideklamasikan serta disiarkan melalui akhbar Cina dan radio, dan puisi-puisi tersebut tetap popular hingga kini. Jikalau kita dekati puisi-puisi Usman yang dialihbahasakan ke dalam bahasa Cina, kita akan dapati bahawa ada banyak persamaan di antara puisi ini dengan puisi Cina yang ditulis dewasa ini. Puisi-puisi Usman mengungkapkannya dengan realistik sekali kehidupan di dunia sastera Mahua. Usman dekat sekali dengan kenyataan kehidupan rakyat keturunan Cina ini, kesengsaraan serta juga masalah hidupnya yang berbagai. Ramai juga di antara mereka,



misalnya, dengan penuh keikhlasan dan keinsafan memperlihatkan keutuhan kesatuan mereka dengan tanah tumpah darah mereka. Kita dapat merujuk kepada sajak Tu Hung yang berjudul "Kampung Kita" misalnya; ataupun sajak "Aku Cintakan Malaya" oleh Loo Mun.

Ramai penyair Melayu juga yang sering melagukan cinta mereka terhadap tanah tumpah darah mereka, sebagai dapat terlihat misalnya pada sajak "Tanah Melayu" dan "Tanahair" oleh Usman Awang. Terjemahan sajak Usman "Jiwa Hamba" yang mempunyai bentuk pantun atau rangkap empat baris agak serupa dengan bentuk sajak Cina moden, malah isi sajaknya juga agak sama dengan sajak Cina moden. Penyair-penyair Cina moden juga sering menceritakan tentang kehidupan dan kepayahan hidup orang melarat, menaruh simpati kepada kaum buruh, kaum pekerja dan nelayan, membidas orang kaya dan borjuis yang memerah dan menindas pihak yang lemah dan miskin, dan memperjuangkan hak asasi manusia. Usman Awang pernah memerikan keadaan kehidupan kaum bawahan yang terhimpit dan tertindas dalam sajak "Penjual Air Batu". Sikap kemanusiaan Usman Awang tidak terbatas, tidak ada tembok perkauman dan keturunan bangsa, tidak ada perbezaan warna kulit. Beliau menganggap semua manusia setaraf di hadapan keadilan. Oleh itu Usman Awang terkenal sebagai seorang penyair humanis dan terus dikenali dan disanjung sebagai penyair rakyat yang popular.

Di antara penulis-penulis Melayu moden, penulis-penulis Mahua paling memuji dan menghargai Usman Awang oleh kerana tema-tema puisinya agak dekat kepada masyarakat Cina. Misalnya sajak Usman "Bunga Popi" yang menggambarkan kesan buruk peperangan, menyuarakan sikapnya terhadap peperangan yang kejam, dan merindukan suatu dunia yang aman dan damai. Tema yang sama dapat dilihat dalam sajak "Memetik Suatu Fasal dari Karangan" misalnya oleh Tu Hung yang berbunyi:

Tahun 1968
Bila rakyat seluruh dunia
Sedang merayakan tahun baru
Di Saigon
Cuma kedai peti mayat terbuka.

Sajak ini menonjolkan semangat anti-perang yang keras, suatu perasaan kemanusiaan yang mendalam. Penyair menuntut keadilan sosial, tuntutan yang juga dibuat oleh semua bangsa.



Dalam negara yang mempunyai berbagai-bagai suku kaum, perlu dipupuk kehidupan rukun damai dan berpadu pula. Kita dapati suasana harmoni ini selalu digambarkan dalam puisi-puisi Usman Awang, misalnya, oleh “Pemuda dan Gadis Tionghua”:

Hari depan yang manis dalam usia tanahair,
mengisi wajah para pemuda dan gadis Tionghua,
sederap tumbuh bersama pohon-pohon bumi subur,
pucuk getah dan ladang petani disinari matahari timur.

Pada tangis pertama kelahiranmu di bumi ini,
sampai saat terakhir nafas dalam melangkah kaki,
teguh-teguhlah menyanyikan lagu tanahair tercinta,
sama-sama kita atas kesegaran kepedihan bumi merdeka.

Bukankah kecurigaan telah terbunuh ketika kita bersapa?
Hidup ini sudah terbenam pada persamaan nasib semata,
kaum pekerja dan petani dalam satu sumber mengalir,
sama-sama menyanyikan lagu terbagus untuk tanahair.

Pemuda dan gadis Tionghua, di sini bumi dan udara kita,
yang menghidupkan dan bagi kematian, oh, tanahair,
dengan kepastian tidak seorang pun akan mungkir,
kerana kejujuran tertambat pada kesetiaan mengalir.

Lihatlah makam nenek moyang sebagai sejarah terpahat,
darahnya dalam darahmu segar di kulit kuning langsung,
esok, ketika tahun baru kukirimkan sebuah angpau,
dalamnya sebuah cinta dari jantung tanah dan pulau.

Usman Awang tidak menyeru sesiapa pun untuk menuju ke arah perpaduan, akan tetapi dengan jujur mengungkapkan perhubungan antara manusia tanpa membezakan kaum. Beliau menginginkan kehidupan bahagia atas nama kebersamaan antara kaum tanpa menggunakan sebarang slogan politik. Seruan begini masih terlihat dalam “Anak Jiran Tionghua” dan “Suasana”.

Sajak “Pemuda dan Gadis Tionghua” amat popular dalam masyarakat Cina dan disambut baik oleh penulis-penulis dunia sastera Mahua. Baru-baru ini, Dewan Perhimpunan Cina Selangor mementaskan sebuah epik yang berjudul “Kita Adalah Sekeluarga” bersempena dengan perayaan ulangtahun ke-60nya. Dalam epik ini, penggubah mengutip sajak ini sebagai contoh yang baik dengan suasana harmoni dan muhibah. Pesta Deklamasi Puisi anjuran Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Selangor dan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina Kuala Lumpur dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka yang diadakan pada 25 September 1983 di Balai Budaya, DBP, memilih sajak ini untuk dideklamasikan.



Dalam puisi-puisi Mahua moden kita juga mendapati banyak tema yang agak serupa dengan tema ini. Penyair-penyair Mahua sering menyuarakan tentang kerukunan dan perpaduan antarabangsa dan menggalakkannya memupuk semangat persaudaraan dan hidup bergandingan. Misalnya sajak Mi Chun yang berjudul “Menari Ronggeng”:

Di bawah tabir langit bintang mengerdip
Di tanah hijau pantai sunyi senyap
Aku dan sekawan pemuda-pemudi Melayu
Menari ronggeng tanpa ketakutan.

Kulihat nenek Melayu bersarung itu
Kaulihat dua kuncir gadis India bergoyang
Semua berpegang tangan menyertai jamuan malam kita
Mari nyanyikan lagu “Ali Baba”

Mari nyanyikan lagu “Terang Bulan”
Bila kau tahu bumi ini kita punya
Kita adalah saudara yang punya satu kepercayaan
Sebab itu kita beriang semangat begini
Kepada pohon nyiur, kebun getah dan gunung Malaya
Kita nyanyikan lagu madah kita.

Ataupun sajak “Memikul”, oleh Miao Mang:

Setiap hari
Seorang Melayu
Memikul sebuah meja di belakang
Saban hari
Dia memikul meja berlalu di depan pintuku
Meletakkannya dan beristirahat
Kadang-kadang mulut berseru-seru
jual meja, jual meja
Aku tak tahu
Apa ini meja semalam
Aku tak tahu
Rasanya memikul meja
Aku tak tahu
Berapa meja dipikulnya sudah
Sewaktu dia berlalu memikul meja
Aku pun teringat aku juga memikul barang di belakang
Dia dapat meletakkannya dan beristirahat
Tapi aku tidur dalam impian
Masih terus memikulnya pula
Masih terus memikulnya pula.

Puisi-puisi ini, seperti puisi Melayu, juga, dekat sekali kepada masyarakat mereka, menceritakan tentang kesusahan atau kegembiraan hidup mereka.

Kesusasteraan melampaui batas-batas kaum dan negara. Puisi-



puisi yang baik harus dapat mengharukan, menarik dan diminati ramai. Pembaca Cina gemar akan sajak-sajak Usman, bukan sahaja kerana temanya mempunyai persamaan dengan sajak Mahua, tetapi penyairnya mempunyai kesedaran yang kuat untuk memperjuangkan kebebasan dan kemerdekaan bukan sahaja untuk negaranya tetapi semua negara yang dijajah dan ditindas. Justeru itu Usman mendapat julukan sebagai penganut falsafah humanisme yang melimpah-ruah. Sajak-sajaknya mempunyai daya tarikan untuk semua lapisan pembaca dan dapat difahami dan diselami oleh bukan sahaja orang Cina dan India tetapi juga orang asing. Oleh sebab itulah sajak-sajaknya paling banyak dialihbahasakan ke dalam bahasa asing. Dalam dunia sastera Malaysia Usman Awang terus dikenali, diminati dan disanjung ramai sebagai penyair rakyat yang popular.



KESIMPULAN

USMAN AWANG adalah seorang penulis yang cukup *versatile*. Beliau seorang penyair, penulis drama, penulis novel, penulis cerpen dan penulis esei. *Fortenya* ialah puisi. Kekuatannya terletak pada puisi. Tetapi beliau juga kuat sebagai penulis drama. Tiga buah karya dramanya yang dibincangkan secara khusus dalam penilaian Panel ini, iaitu “Matinya Seorang Pahlawan”, “Tamud Bukit Kenny” dan “Uda dan Dara”, memperlihatkan kejayaan Usman dalam bidang drama.

Usman menulis tentang manusia biasa, manusia “kerdil” yang malang, yang tertindas. Beliau menulis tentang masalah-masalah hidup biasa yang dihadapi oleh petani, nelayan, “Penjual Pisang di Kaki Lima”, “Penjual Air Batu”, “Kaum Buruh”, “Pak Utih”. Beliau melihat nasib manusia biasa ini sebagai akibat daripada berlakunya penindasan, penjajahan, peraturan atau sistem yang tidak memberikan kebahagiaan kepada mereka. Inilah tema yang banyak mengisi karya-karya Usman dalam tempoh sepuluh tahun pertama beliau menulis. Usman menulis dari perasaan dan sikap kemanusiaannya yang kuat dan peka tetapi beliau tidak pula percaya bahawa seruan dan mainan kata-kata sahaja atau emosi dan perasaan sahaja, sudah cukup untuk “membela” atau memperjuangkan untung nasib manusia yang malang, yang terjajah dan tertindas itu. Dia berpegang kuat kepada konsep tradisi sosial sastera. Walaupun dalam karya-karyanya beliau tidak memberikan apa-apa formula atau penyelesaian untuk mengatasi masalah manusia yang digambarkannya — beliau sedar ini bukanlah tugas spesifik sastera — beliau menyoroti temanya secara kritis juga untuk membangkitkan keinsafan intelektual pembacanya, bukan kesedaran emosi sahaja. Dia menggabungkan gambaran tragis, sedih dan malang



dengan retorik dan pemikiran yang serius dan kritis. Usman adalah seorang seniman yang bertugas sebagai pengkritik sosial. Bentuk kritikan sosialnya biasanya tidak terus terang, tidak langsung, tidak kasar dan keras, tetapi halus dibuat melalui gaya dan kata-kata sindiran, kiasan dan kadang-kadang dalam bentuk humor, seperti dalam sajaknya "Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar". Beliau menulis dengan nada suara yang rendah; tidak marah-marah; malah apabila berseru membangkitkan semangat, beliau tidak menggunakan kata-kata yang keras. Hasilnya ialah kita dapat menghayati persoalan yang dikemukakannya dengan perasaan yang tenang dan terkawal; kita sebagai pembaca bersimpati dengan persoalan yang dikemukakannya tetapi kita tidak dilamun perasaan yang kosong.

Dari tema yang diambilnya dari alam sekitar yang terdekat dengannya, dari soal-soal penderitaan hidup yang dialami oleh petani, nelayan, penjual pisang dan penjual air batu di tanahairnya Usman beralih kepada persoalan-persoalan yang lebih besar. Beliau menulis tentang tema kemanusiaan ke tahap yang tinggi. Tetapi ini tidak bererti Usman tidak lagi menulis tentang manusia biasa di tanahairnya. Apa yang berlaku ialah selepas kira-kira sepuluh atau lima belas tahun menulis Usman mulai memperluaskan pandangan hidupnya; mulai melihat masalah manusia yang sama dalam konteks yang lebih besar. Usman melihat manusia sebagai manusia sejagat, yang hidup dalam suatu "keluarga sedunia", yang mengalami masalah dan nasib yang sama, baik masalah penindasan, penjajahan, perbezaan taraf, warna dan kulit. Beliau menginginkan suatu masyarakat manusia sejagat yang hidup bebas dan aman daripada peperangan dan permusuhan, manusia yang dapat berhubung antara satu sama lain dengan mesra, tanpa batas warna, sempadan, pasport dan visa. Sajaknya, "Salam Benua" yang diilhamkan daripada pengalamannya melihat dunia luar menandakan kemuncak kematangan Usman melihat persoalan hidup manusia daripada suatu pandangan yang lebih luas. Beliau mulai menemui audien yang lebih besar, melewati sempadan "kampung" dan tanahairnya. Beliau menulis untuk semua orang; tentang untung nasib kaum Cina di tanahair, tentang perpaduan kaum, tentang "Henry" manusia sejagat dalam sajaknya "Darah dan Doa", tentang nasib dan perjuangan orang-orang kulit hitam di Amerika Syarikat (dalam sajaknya "Salji Hitam"), tentang perjuangan rakyat Konggo menentang penjajahan; dia mengkritik pemimpin daripada bangsa apa pun



(lihat sajaknya “Kambing Hitam”). Ini merupakan perkembangan yang penting dalam pendirian, sikap dan pandangannya terhadap kemanusiaan yang mempengaruhi corak isi dan gaya sajak-sajaknya yang ditulis selepas tahun-tahun tujuh puluhan. Temanya tetap tema kemanusiaan. Inilah tema yang dikembangkan oleh Usman secara konsisten selama lebih 30 tahun. Walaupun Usman menulis berbagai-bagai perkara, tetapi semuanya mengandungi makna yang sama, iaitu cinta dan kasih sayangnya terhadap manusia yang kemudiannya dikembangkan kepada cinta terhadap alam semulajadi seperti yang digambarkan dalam sajaknya “Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandaraya” dan “Surat dari Masyarakat Burung kepada Datuk Bandar”. Kerana inilah Usman terkenal sebagai penulis humanis. Dan kerana inilah juga sajak-sajaknya paling banyak dibaca oleh orang bukan Melayu di Malaysia dan karya-karyanyalah yang paling banyak diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain. Inilah salah satu kejayaan besar Usman sebagai seorang penulis.

Oleh kerana tema Usman adalah tema kemanusiaan, tema kehidupan rakyat biasa, tema cinta dan kasih sayang kepada alam, bukan terhadap persoalan-persoalan hidup yang kompleks, yang abstrak, yang tidak jejak ke bumi yang nyata, maka Usman senantiasa menggunakan teknik dan gaya pengucapan dan persembahan yang sesuai dengan temanya yang “halus” itu. Usman cukup berjaya memadukan isi dengan bentuk dalam sajaknya. Sejak awal lagi, beliau menggunakan bentuk-bentuk puisi Melayu tradisional, seperti pantun, gurindam, syair dan seloka untuk mendukung temanya secara berkesan.

Usman menyusun baris-baris dan kata-katanya dalam bahasa yang berirama, sehingga beberapa buah sajak awalnya dapat dibacakan menurut lenggang-lenggok atau “lagu” pantun Melayu lama, ataupun lagu syair Melayu. Kata-kata yang digunakan oleh Usman diambil dari perbendaharaan kata bahasa Melayu lama, kata-kata yang sering digunakan oleh puisi Melayu lama; kata-kata yang sesuai untuk mengungkapkan imej-imej kemanusiaan dan alam sekitarnya yang indah, kata-kata yang sesuai menimbulkan makna yang halus, yang disampaikan dalam bentuk sindiran, kiasan dan kadang-kadang dalam bentuk humor.

Usman tidak pula statik dalam penggunaan gaya dan bentuknya. Malah beliau boleh dikatakan seorang penyair yang cukup sedar tentang fungsi bentuk dalam sastera.



Usman dapat mewujudkan perimbangan antara fungsi sosial sastra dengan nilai-nilai seni, nilai estetik dalam sastra. Beliau menggunakan kata-kata dengan cermat. Tiap perkataan yang digunakan tidak kosong, tetapi mempunyai tugas yang padat untuk mendukung mesej dan idea yang hendak disampaikan. Dalam usahanya untuk memberikan kekuatan seni kepada karyanya, untuk mencari bentuk-bentuk dan gaya baru, Usman tidak bertindak secara terburu-buru. Beliau memementingkan kesesuaian bentuk dengan tema yang hendak disampaikan.

Usman Awang adalah seorang penulis yang dapat mengekalkan tradisi dan keperibadian budaya bangsanya dalam penulisan sastra kontemporari, di samping dapat memperlihatkan kemampuannya menulis untuk semua manusia di luar tradisi dan hidup budaya bangsanya sendiri. Demikian besarnya sumbangan Usman Awang kepada dunia sastra Melayu.



LAMPIRAN





BIODATA USMAN AWANG

USMAN AWANG dilahirkan di Kampung Tanjung Sedili, Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor pada 12 Julai 1929. Beliau disekolahkan di Kuala Sedili (1936), di Mersing (1937) dan di Bandar Maharani Muar (1940) hingga lulus Darjah VI.

Semasa pendudukan Jepun di Malaya pada tahun 1942 Usman Awang menjadi petani di Segamat. Tidak lama kemudian menjadi buruh paksa Jepun selama enam bulan di Singapura. Beliau kemudian melepaskan diri dan pulang ke Segamat. Dalam zaman pendudukan Jepun itu juga Usman Awang pernah menjadi “budak pejabat” di Pejabat Tali Air Segamat dan kemudiannya memasuki Pasukan Polis Jepun (Botai), tetapi selepas beberapa minggu menjalani latihan, pihak Jepun menyerah kalah.

Usman Awang menjadi anggota polis bila Inggeris mula memerintah pada tahun 1946. Beliau menjalani latihan di Depot Polis Johor Baharu sebelum menjalankan tugasnya di Melaka. Waktu di Melaka beliau mula berkenalan dengan guru-guru Melayu, banyak membaca dan mulai menulis. Tulisan awalnya banyak tersiar dalam Ruangán Pasukan Keselamatan, *Utusan Melayu*. Pada tahun 1951 beliau meletakkan jawatan dari pasukan polis dan berhijrah ke Singapura bersama Jamil Sulong. Beliau diterima bekerja sebagai pembaca pruf dengan akhbar *Melayu Raya* selama enam bulan, kemudian menjadi pemberita sebelum menjadi anggota sidang pengarang *Mingguan Melayu*, terbitan Melayu Raya.

Pada tahun 1952, Usman Awang berpindah ke Utusan Melayu, mula-mula sebagai anggota sidang pengarang akhbar *Utusan Kanak-kanak*, kemudian dipertanggungjawabkan menjaga *Utusan Zaman* dan majalah *Mastika*. Selepas Malaya mencapai kemerdekaan dan Utusan Melayu berpindah ke Kuala Lumpur, Usman Awang turut



serta dengan memegang jawatan yang sama. Tahun 1961 berlaku pemogokan di Utusan Melayu, beliau bersimpati dengan pihak pekerja lalu terlibat dalam peristiwa pemogokan itu. Akhirnya beliau berhenti dan buat beberapa waktu terpaksa menganggur.

Pada tahun 1962 Usman diterima bekerja dengan Penerbitan Federal dan setahun kemudian berkhidmat pula dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, mula-mula sebagai anggota sidang pengarang *Dewan Bahasa* dan kemudian pengarang *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya*.

Usman Awang mula membentuk namanya dalam dunia ke-susasteraan Melayu moden dengan menulis puisi sejak tahun 1948. Sajak-sajaknya sentiasa segar, kukuh serta akrab dengan akar budi Melayu dan perikemanusiaan, telah berjaya mengukir alam sastera Melayu buat beberapa generasi.

Usman juga menulis cerpen tetapi bidang ini nampaknya tidak diteruskannya seperti bidang puisi. Beliau menghasilkan banyak cerpen dalam tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Dalam kebanyakan karyanya, beliau memperlihatkan tema-tema yang bersifat kritik sosial sesuai dengan konsep “seni untuk masyarakat” yang didukungnya sebagai anggota Asas 50. *Degup Jantung* adalah kumpulan cerpennya yang tunggal setakat ini. Sejauh ini Usman Awang hanya berhasil menerbitkan sebuah novel sahaja berjudul *Tulang-tulang Berserakan*. Novel ini merupakan rakaman peristiwa peribadi beliau sewaktu bekerja sebagai anggota polis.

Selain dari puisi, satu lagi bidang kreatif yang mengharumkan nama Usman ialah drama. Bidang ini telah diterokanya sejak awal tahun 1960-an dengan menulis banyak drama untuk radio dan pentas. Beberapa buah dramanya yang sukar dilupakan termasuklah “Serunai Malam”, “Malam Kemerdekaan”, “Tamu di Bukit Kenny”, “Matinya Seorang Pahlawan”, “Degup Jantungnya” dan sebuah dramanya yang banyak diperkatakan iaitu drama “Muzika Uda dan Dara”. Drama ini telah dipentaskan oleh Gemaseni pada tahun 1972. Kisah “Uda dan Dara” ini sebenarnya merupakan idea awal dari sebuah sajak Usman Awang yang dihasilkan dalam tahun 1956 berjudul “Gadis di Kuburan”. Sajak tersebut diolah semula menjadi sebuah cerpen dengan judul “Uda dan Dara”. Pada tahun 1972, kisah yang sama disesuaikan pula untuk persembahan TV dan akhirnya menjadi sebuah drama pentas yang popular dan lagu-lagu dari “Muzika Uda dan Dara” telah pun dirakamkan ke piring hitam oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Dalam bidang penulisan ini, Usman begitu banyak menggunakan nama samaran seperti Adi Jaya, Amir, Atma Jiwa, Manis, Pengarang Muda, Rose Murni, Setiabudi, Tongkat Warrant, U.A. dan Zaini.

Dalam kegiatan dan organisasi penulisan tanahair pula, sumbangan dan penyertaan Usman Awang amat dirasakan. Beliau banyak terlibat secara aktif dalam banyak aktiviti penulis. Beliau bukan saja hidup sebagai pencipta karya yang asli dan halus, tetapi juga penggerak berani yang memberi penuh inspirasi kepada ramai penulis muda. Sejak tahun 1950-an, beliau merupakan salah seorang pengasas Ikatan Persuratan Melayu Melaka (IPM), Setiausaha Asas 50 di Singapura, dan Ketua Satu Persatuan Penulis Nasional (PENA) yang pertama (1962-1965). Beliau adalah juga salah seorang yang mengambil inisiatif untuk mengadakan Hari Puisi, Cempaka Berbunga, Malam Gema Puisi dan Genta Rasa di Panggung Aniverseri, Manifestasi Dua Seni dan banyak lagi aktiviti lainnya. Kumpulan puisi “Keranda 152” dan “Teluk Gong” adalah juga daya usaha Usman Awang bersama penyair-penyair lain.

Sebagai penyair dan dramatis, Usman Awang pernah diundang melawat Amerika Syarikat, Indonesia, Filipina dan Rusia. Beberapa buah karyanya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Korea, Perancis, Thai, Czechoslovakia, Denmark, Tamil, Itali dan Rusia. Barangkali beliau adalah penyair Malaysia yang banyak sekali diterjemahkan sajaknya dan paling terkenal di luar negaranya.

Usman Awang masih terus memainkan peranannya dalam kesusasteraan Melayu dan masih menulis sehingga sekarang. Beliau telah diberi penghormatan bila dilantik sebagai salah seorang anggota Panel Hadiah Karya Sastera (1971-1976) dan bersama beberapa orang penulis lain, beliau telah dianugerahkan gelar “Pejuang Sastera” dengan surat penghargaan dan wang tunai \$10,000 oleh Perdana Menteri Pada 29 Mei 1976. Mulai tahun 1979, Usman Awang telah dilantik menjadi Setiausaha Panel Anugerah Sastera Negara, sebuah badan kehormat yang tertinggi di tanahair.

Pada tahun 1982 Usman Awang menerima Anugerah Sastera Asia Tenggara (S.E.A. Write Award) di Bangkok. Ketokohnya sebagai seorang sasterawan semakin menonjol lagi bila pada 11 Ogos 1983, beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Malaya, satu penghormatan yang menurut Usman sendiri “tidak pernah diimpikannya”.



Usman Awang memiliki perwatakan peribadi yang lemah lembut dan mesra, dengan sikap simpati yang cukup besar terhadap golongan bawahan yang miskin dan terhadap manusia yang malang sehingga kadang-kadang beliau ditafsirkan sebagai seorang seniman yang berjiwa rakyat.



SENARAI KARYA USMAN AWANG

PUISI

Tanpa tahun. "Mentera Rakyat". Kuala Lumpur: [t.p.]. 6 hlm.
Teks mimeograf.

- 1948 Korban Tanahair. *Utusan Zaman*. No 7:3.
Bingkisan. *Utusan Zaman*. Ds 12:4.
Selat Melaka. *Utusan Zaman*. Ds 12:4
- 1949 Hilang. *Utusan Zaman*. Ja 23:3.
Berdagang. *Utusan Zaman*. Fe 27:3.
Ibu. *Utusan Zaman*. Fe 27:3.
Mari Berbakti. *Utusan Zaman*. Mc 13:3.
Jiwa Hamba. *Utusan Zaman*. Mc 27:3.
Diterbitkan semula dalam *Puisi Baharu Melayu*. (Ali
Hj. Ahmad: 28) dan *Titian Zaman* (hlm. 46)
Angkatan Muda. *Utusan Zaman*. Ap 17:3
Menungan. *Mastika*. Mi:26
Langit Tinggi. *Utusan Zaman*. Jn 5:3
Aku Sedar. *Utusan Zaman*. Jl 3:3
Diterbitkan semula dalam *Titian Zaman* (hlm. 47)
Aliran Hidup. *Utusan Zaman*. Jl 3:3
Nikmat Kemerdekaan. *Utusan Zaman*. Jl 31:3.
Pesananku. *Utusan Zaman*. Og 28:4.
Sapu Tangan Sutera. *Mastika*. Sp :23.
Berjuang. *Utusan Zaman*. Sp 18:3.
Rindu. *Utusan Zaman*. Ok 30:4.
Alam Luas. *Utusan Zaman*. Ds 11:3.



- 1950** Zaman Merdeka. *Utusan Zaman*. Ja 15:3
 Dua Jeritan. *Utusan Zaman*. Mc 19:3.
 Sinar Pagi. *Utusan Zaman*. Ap 16:3.
 Di Manakah Engkau Cinta. *Utusan Zaman*. Ap 30:4.
